



Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia
Bersama Membangun Negara



LAPORAN
TAHUNAN | 2012

Penerima anugerah "Service Innovation Best Practice Electronic Revenue Accounting System"



LAPORAN TAHUNAN 2012

LEMBAGA HASIL DALAM NEGERI MALAYSIA

2013 Penerbitan
© Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia (LHDNM) 2013

Hak Cipta Terpelihara. Artikel-artikel, ilustrasi dan isi kandungan ini tidak boleh diterbitkan semula, secara keseluruhan atau sebahagian, dalam sebarang bentuk atau apa-apa cara sekalipun, sama ada elektronik, fotokopi, mekanik, rakaman atau cara lain, tanpa kebenaran bertulis daripada Pegawai Eksekutif ketua / Ketua Pengarah Hasil Dalam Negeri, Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia, PO Peti Surat 11833, 50758 Kuala Lumpur.

Perpustakaan Negara Malaysia
ISSN

KANDUNGAN

LAPORAN TAHUNAN 2012

5 Budaya Korporat

9 Tadbir Urus

Laporan Pengerusi	11
Anggota Lembaga	13
Sekapur Sireh	14
Pengurusan Atasan	15
Carta Organisasi	16
Pernyataan Tadbir Urus Korporat	17
Pernyataan Risiko	18

19 Prestasi Korporat

Kutipan Hasil	21
Kecekapan Pengurusan Cukai	22
Pematuhan Cukai	23
Penguatkuasaan dan Pendakwaan	27
Pemungutan	28
Perkhidmatan Pelanggan	32
Program Pendidikan Cukai	36
Perkhidmatan Elektronik	39
Pembesaran Asas Cukai	43
Hak Pembayar Cukai	44
Tanggungjawab Sosial Korporat	45

47 Perhubungan Antarabangsa

51 Pembangunan Organisasi

57 Budaya Kerja Berprestasi Tinggi

63 Ejen Kutipan Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional (PTPTN)

67 Bantuan Rakyat Satu Malaysia (BR1M)

71 Diari HASiL

77 Penyata Kewangan

109 Prestasi Kewangan

115 Lampiran




ULANG TAHUN RADIO BERNAMA

PENGERUSI BERNAMA, Datuk Abdul Rahman Sulaiman (tiga kanan), bekas Menteri Penerangan, Tan Sri Zaiton bin Mohd (empat kanan), Pengerusi Besar BERNAMA, Datuk Hassan Hassan (kiri), Ketua Pegawai Operasi BERNAMA Radio 24, Azlan Khris (dua kiri), dan Datuk SH Nurhaliza (tiga kiri) bersama-sama memotong kek Magis Ulang Tahun Radio BERNAMA 24 yang ke-5, sambil disaksikan oleh Ketua Pegawai Operasi Lembaga Hasil Dalam Negeri (LHDN), Tan Sri Dr. Mohd. Mydin Mohlar (kanan) dan bekas Datuk Bandar Kuala Lumpur, Tan Sri Ahmad Fuad Ismail di LHDN Puncu Bestari, Kuala Lumpur, semalam. (MINGSIH/SHIDEQIN 2011)



BUDAYA KORPORAT



BUDAYA KORPORAT

LHDNM mempraktikkan nilai korporat yang dirangka bagi mempengaruhi kejayaan atau kecemerlangan LHDNM dalam melaksanakan dasar atau polisi yang ditetapkan. Ia dicapai dengan menyemai nilai moral dan komitmen di kalangan warga Hasil ke arah pencapaian visi, misi dan objektif yang telah ditetapkan.



FUNGSI

Fungsi LHDNM

- Bertindak sebagai ejen kerajaan dan memberi perkhidmatan dalam pentadbiran, penaksiran, pemungutan dan penguatkuasaan pembayaran cukai pendapatan, cukai pendapatan petroleum, cukai keuntungan harta tanah, duti harta pesaka, duti setem dan cukai lain yang dipersetujui antara kerajaan dan Lembaga;
- Menasihati kerajaan tentang perkara-perkara berhubung dengan percukaian dan bekerjasama dengan kementerian dan badan berkanun berkaitan perkara-perkara tersebut;
- Menyertai mesyuarat, perbincangan dan perjanjian tentang perkara-perkara yang berkaitan dengan percukaian di dalam atau di luar negara;
- Menjadi ejen pemungutan untuk dan bagi pihak mana-mana badan yang mendapatkan pinjaman yang kena dibayar balik kepada badan itu di bawah mana-mana undang-undang bertulis; dan
- Melaksanakan apa-apa fungsi lain yang diberi kepada LHDNM oleh mana-mana undang-undang bertulis lain.

TANGGUNGJAWAB

LHDNM adalah bertanggungjawab mentadbir undang-undang berikut:

- Akta Cukai Pendapatan 1967;
- Akta Cukai Keuntungan Harta Tanah 1976;
- Akta Penggalakan Pelaburan 1986;
- Akta Setem 1949;
- Akta Petroleum (Cukai Pendapatan) 1967; dan
- Akta Cukai Aktiviti Perniagaan Labuan 1990

LHDNM bertanggungjawab mentadbir undang-undang berikut

- a. Akta Cukai Pendapatan 1967;
- b. Akta Petroleum (Cukai Pendapatan) 1967;
- c. Akta Cukai Keuntungan Harta Tanah 1976;
- d. Akta Setem 1949;
- e. Akta Cukai Aktiviti Perniagaan Luar Labuan 1990; dan
- f. Akta Penggalakan Pelaburan 1986.

LHDNM perlu mematuhi semua Perjanjian Pengelakan Pencukaian Dua Kali yang ditandatangani oleh kerajaan Malaysia dengan negara-negara luar. Selain itu, LHDNM juga perlu mematuhi semua perundangan yang ada kaitan dengan pentadbiran LHDNM

- a. Perlembagaan Persekutuan 1957;
- b. Akta Tafsiran 1948 dan 1967;
- c. Akta Had Masa 1853;
- d. Akta Mahkamah Kehakiman 1964;
- e. Akta Syarikat;
- f. Akta Kebankrapan 1967;
- g. Kanun Tanah Negara;
- h. Kanun Acara Jenayah;

- i. Kanun Keseksaan (Akta 574)
- j. Keadah- kaedah Penggulangan Syarikat 1965
- k. Kaedah-kaedah Mahkamah Tinggi 1980; dan
- l. Kaedah-kaedah Mahkamah Rendah 1980

Di samping itu, LHDNM masih lagi mentadbir beberapa perundangan yang telah dimansuhkan bagi menyelesaikan kes-kes kebelakangan;

- a. Enakmen Duti Harta Pesaka 1941 ; dan
- b. Akta Cukai Pemindahan Syer (Syarikat Berasaskan Tanah) 1984.

ANGGOTA LEMBAGA

Anggota Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia terdiri daripada:


- a. Ketua Setiausaha Perbendaharaan yang juga merangkap pengerusi LHDNM,
- b. Peguam Negara atau wakilnya;
- c. Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam atau wakilnya;
- d. Dua orang lain yang dilantik oleh Menteri Kewangan dari sektor awam dan
- e. Dua orang lain yang dilantik oleh Menteri Kewangan dari sektor swasta

Anggota Lembaga telah bermesyuarat sebanyak enam kali dalam tahun 2012.

Pejabat Ketua Pegawai Eksekutif
Ibu Pejabat Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia,
Menara Hasil Aras 18
Persiaran Rimba Permai Cyber 8
63000 Cyberjaya Selangor
Telefon : 03-83138888 Faks : 03-83137801/ 03-83137806
Portal Rasmi : www.hasil.gov.my



TADBIR URUS



LAPORAN PENGERUSI



LHDNM telah menetapkan teras-teras utama yang mendasari segala pendekatan yang telah diambil untuk tahun-tahun yang mendatang iaitu menetapkan hala tuju yang jelas, menjadikan visi organisasi bukan lagi sekadar perkataan atau penulisan, membangunkan satu peta laluan yang jelas dan mudah difahami, menjadikan KPI Ekosistem sebagai Pemandu *@ The Driver*, menjadikan Perancangan Strategik sebagai Kenderaan *@ The Vehicle* dan menjadikan tema tahunan sebagai kaedah untuk memfokuskan minda seluruh warga Hasil.

LHDNM telah melaksanakan pendekatan Menerokai Lautan Biru (*Blue Ocean Strategy*) di mana pelbagai *fine tuning* dalam bentuk perubahan yang dilaksanakan dalam organisasi setakat ini, telah membuahkan hasil positif, yang disimpulkan melalui kejayaan demi kejayaan dalam peningkatan kutipan cukai langsung kerajaan.

LHDNM menetapkan 5 matlamat utama di mana pencapaian adalah seperti berikut :

1. Memungut jumlah cukai yang sepatutnya secara adil dan saksama

a) **Kutipan Cukai** - Kutipan cukai langsung kerajaan dalam tahun 2012 dengan jumlah sebanyak RM124.88 bilion. Hasilnya, LHDNM telah berjaya memadamkan rekod kejayaan tahun 2011 dengan peningkatan sebanyak 13.94% .

b) **Akaun Belum Terima (ABT)** - Sehingga 31 Disember 2012, sebanyak 840,435 kes tunggakan cukai berjaya diselesaikan. Pencapaian bagi tindakan pengurangan kes tunggakan cukai ini telah mengurangkan baki ABT sebanyak 70.69% dan melibatkan amaun sebanyak RM7.47 bilion.

c) **Kecekapan Kos Pungutan** - Berikutan peningkatan dalam kutipan cukai, LHDNM juga telah mencatatkan pencapaian kecekapan kos pungutan sebanyak RM0.84 bagi setiap RM100 cukai yang dipungut iaitu tidak melebihi RM1.00 bagi setiap RM100 cukai yang dipungut.

2. Menanamkan kepercayaan orang awam terhadap keadilan dan keunggulan pentadbiran sistem percukaian

a) **Audit (Audit Luar dan Audit Meja)** - Pengauditan fail-fail syarikat (C,CS,TA,TC dan TR) telah berjaya menyumbang sebanyak 16.55% daripada fail aktif, anakala bagi fail-fail individu (OG,D,TP,F,FA,dan J) pengauditan telah menyumbang 33.74% daripada fail aktif. Bagi fail Penggajian, pengauditan telah menyumbang 31.4% daripada fail aktif manakala pengauditan fail PCB Majikan telah menyumbang 13.41% daripada fail aktif.

b) **Siasatan** - Aktiviti siasatan dilaksanakan secara menyeluruh dengan memberi keutamaan terhadap kes berprofil tinggi dalam usaha meningkatkan pematuhan secara sukarela. Bagi aktiviti siasatan, jumlah kes yang berjaya diselesaikan adalah sebanyak 764 berbanding dengan KPI yang ditetapkan sebanyak 645.

c) **Bayaran Balik** - Salah satu penanda aras kejayaan pelaksanaan Sistem Taksir Sendiri ialah kecekapan dalam memproses bayaran balik cukai terlebih bayar kepada pembayar cukai. LHDNM telah berjaya memproses 1,727,883 kes bayaran balik yang melibatkan bayaran berjumlah RM6,897 juta. Jumlah ini merangkumi tuntutan bayaran balik bagi kes individu dan syarikat.

3. Memperluaskan asas cukai iaitu,

a) *Semua Jenis Fail* - Peningkatan 10.45% jumlah fail berasaskan fail aktif.

4. Memodenkan sistem dan prosedur kerja selaras dengan keperluan semasa

a) *Perkhidmatan elektronik LHDNM* - e-Filing telah menyumbang 71.5% daripada borang nyata yang diterima.

5. Melahirkan modal insan yang kompeten, profesional, berintegriti dan berdedikasi.

a) *Latihan* - LHDNM telah berjaya menjalankan sebanyak 275 (100%) kursus seperti yang telah dirancang. Jumlah ini tidak termasuk kursus yang telah dijalankan secara *ad-hoc*. Seramai 13,130 orang pegawai telah dilatih dalam tahun 2012 berbanding seramai 10,199 dalam tahun 2011.

b) *Kompetensi pegawai dan staf* - 85.53% pegawai LHDNM mencapai 56 jam latihan.

Selain daripada mencipta sejarah kutipan cukai tertinggi semenjak penubuhan LHDNM, kerajaan telah memberi kepercayaan kepada LHDNM untuk bertindak sebagai *the core entity* dalam pelaksanaan Bantuan Rakyat 1 Malaysia (BR1M), susulan daripada pengumuman Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dalam pembentangan Bajet 2012 yang lalu. Justeru, kepercayaan ini merupakan satu penghormatan buat kita semua, dan bukannya sebagai satu bebanan. Kepercayaan yang diberikan sudah pasti berpaksikan kepada *track record* kecekapan LHDNM dalam mengurus dan mengendalikan maklumat-maklumat dan data-data orang ramai, dalam tempoh yang ditetapkan. Dalam tempoh pendaftaran bermula 10 Disember 2011 sehingga 30 April 2012, LHDNM berjaya memproses sebanyak 5,018,925 permohonan yang diterima dan hasilnya 4,336,232 ketua isi rumah layak mendapat BR1M.

Tahap perkhidmatan merupakan aspek yang perlu diambil perhatian dan diperhalusi dari segi keberkesanan dan kecekapan oleh LHDNM di mana akibat pertambahan beban kerja seperti menjalankan audit meja pendapatan tahun kebelakangan dan aktiviti BR1M telah menyebabkan prestasi tahap perkhidmatan turut terbatas dengan peningkatan aduan-aduan yang diterima daripada pembayar cukai. Dengan penambahbaikan dalam proses kerja bidang-bidang yang terlibat serta permodenan sistem dan prosedur kerja, maka adalah diharapkan tahap perkhidmatan akan dipertingkatkan lagi.

Walau apapun cabaran yang mendatang dalam usaha kita menempa kejayaan buat organisasi, strategi-strategi dan inisiatif-inisiatif yang telah dibangunkan sebelum ini, mesti diteruskan dan ditambah baik lagi dalam tahun 2013 iaitu :-

- Meningkatkan kadar pematuhan cukai
- Mengekal dan meningkatkan lagi “our competitive edge” dalam


persekitaran global

- Memberi tumpuan kepada Business Crime Model
- Transformasi dalam membuat keputusan dasar cukai
- Pelaksanaan KPI LHDNM 2013
- Pemencaran fail syarikat
- Pemeriksaan tindakan siasatan jenayah
- Penggunaan maklumat dalam gudang data
- Memperligat usaha-usaha mempromosi e-Filing
- Mengambil tindakan terhadap teguran audit
- Pemantauan pengurusan aduan
- Pemantapan prestasi perbelanjaan kewangan


Sebagai rakyat Malaysia, yang memilih untuk bertugas atas landasan Jentera Pentadbiran Kerajaan, sebagai penjawat awam yang memilih untuk bertugas di sebuah organisasi yang dihormati dan disegani, yang menjadi tulang belakang kepada penajaan sumber pendapatan tertinggi kerajaan, sebagai individu dan warga Hasil yang mendapat nikmat yang tidak ternilai harganya di bumi bertuah ini, kita seharusnya mengekalkan dan meneruskan momentum kejayaan untuk tahun-tahun seterusnya.

Di kesempatan ini juga, saya ingin mengucapkan “Selamat Bersara” kepada mantan Pengerusi Lembaga, YBhg. Tan Sri Dr. Wan Abdul Aziz bin Wan Abdullah. Setinggi-tinggi ucapan terima kasih atas segala usaha dan komitmen yang telah dicurahkan dalam usaha meletakkan LHDNM sebagai sebuah organisasi yang disegani dan dihormati.

Akhir kata selaku Pengerusi Lembaga, saya merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada jentera pengurusan serta seluruh warga hasil atas semua usaha dan kegigihan, kesepaduan tekad serta tahap produktiviti tinggi yang dihasilkan bagi memenuhi hasrat dan tanggungjawab yang diamanahkan. Semoga LHDNM mencapai kejayaan cemerlang di tahun-tahun mendatang.



DATU' SRI DR. MOHD IRWAN SERIGAR ABDULLAH



ANGGOTA LEMBAGA



**DATO' SRI DR. MOHD IRWAN
SERIGAR ABDULLAH**
Ketua Setiausaha Perbendaharaan
Perbendaharaan Malaysia



Dato' Sri Abu Bakar bin Hj. Abdullah
Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam
Jabatan Perkhidmatan Awam Malaysia



Dato' Siti Halimah binti Ismail
Setiausaha Bahagian Analisa Cukai
Perbendaharaan Malaysia



Dato' Mohd Salleh bin Mahmud
Konsultan Swasta



Datuk Wan Selamah binti Wan Sulaiman
Akauntan Negara
Jabatan Akauntan Negara Malaysia



Cik Junaidah binti Haji Abd Rahman
Pesuruhjaya Penyemak Dan
Pembaharuan Undang-Undang
Bahagian Penyemakan Dan
Pembaharuan Undang-Undang
(mulai 1 September 2012)



Datuk Hj Shuib bin Md. Yusop
Konsultan Swasta

SEKAPUR SIREH



Tahun 2012 adalah merupakan tahun yang sarat dengan perjuangan dan pengorbanan untuk mencapai matlamat sasaran jumlah kutipan cukai yang telah ditetapkan oleh kerajaan. Alhamdulillah, berkat usaha gigih tanpa mengenal erti penat dan lelah, akhirnya LHDNM berjaya menutup tirai pungutan cukai pada **31 Disember 2012**, dengan jumlah sebanyak **RM124.88 bilion**.

Kejayaan ini adalah merupakan satu kejayaan yang sangat bermakna, kerana sesuatu yang dahulunya dianggap mustahil, telah menjadi kenyataan hasil usaha dan gandingan hebat seluruh warga Hasil. Kejayaan ini adalah satu pencapaian yang luar biasa, kejayaan ini adalah satu fenomena dan kejayaan ini sudah semestinya tidak boleh disangkal oleh sesiapa pun. **BERSAMA**, warga Hasil telah memahat satu sejarah baharu dalam jumlah pungutan cukai langsung, buat tanahair tercinta dan bumi bertuah ini.

Justeru, **momentum** kejayaan dalam peningkatan jumlah kutipan cukai ini **mesti diteruskan**, **momentum** kerancangan suasana bekerja melalui pelbagai aktiviti dan inisiatif dalaman dan luaran kepada organisasi ini, melalui pembudayaan inovasi, kreativiti dan integriti **mesti dipergiatkan** dan **momentum** lompatan berganda (*quantum leap*) memacu terus ke hadapan, untuk bergerak seiring dan sejalan dalam kerangka kerja yang telah dibangunkan kerajaan **mesti dilestarikan**.

Dalam usaha mengekal dan meningkatkan lagi **Organisational Competitive Edge** ke arah mencapai visi Pentadbir Cukai Terunggul, LHDNM akan terus mengorak langkah lebih jauh ke hadapan, terutamanya dengan rakan-rakan pentadbir cukai antarabangsa yang lain, seperti mengadakan perjanjian, kesepakatan serta jalinan kerjasama strategik, yang dapat mengatasi halangan-halangan ketelusan dan kefahaman, yang selama ini menjadi tembok atau batu penghalang, bagi mendapatkan maklumat-maklumat percukaian yang penting buat organisasi ini.


Melalui jalinan kerjasama yang wujud ini, saya berkeyakinan tinggi bahawa, ia akan dapat membantu organisasi ini dalam melaksanakan tanggungjawab pengurusan percukaian negara dengan lebih cekap dan berkesan.

Hakikatnya, tidak ada pulangan atas segala usaha gigih dan penat lelah yang telah dicurahkan, yang lebih berharga, yang lebih bernilai dan yang lebih bermakna, selain daripada kejayaan memahat nama organisasi tercinta ini, dalam sejarah jumlah pungutan cukai langsung tertinggi negara.

LHDNM akan terus memacu ke hadapan, bergerak dalam satu kesatuan yang kukuh, melaksanakan perubahan, memupuk inovasi dan kreativiti dalam pelaksanaan tugas, sentiasa berfikiran positif dan yakin bahawa walau apapun cabaran yang mendatang terutamanya dalam konteks sasaran jumlah kutipan cukai, **'nothing is impossible and impossible is nothing'** demi mencapai visi untuk berdiri sebagai Pentadbir Cukai Terunggul.

Sekian, terima kasih.

TAN SRI DR. MOHD SHUKOR BIN HJ. MAHFAR



PENGURUSAN ATASAN



DATO' DR. SITI MARIAM BINTI CHE AYUB

Timbalan Ketua Pegawai Eksekutif
(Pematuhan)
Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia



DATUK SABIN BIN SAMITAH

Timbalan Ketua Pegawai Eksekutif
(Pengurusan)
Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia



TAN SRI DR. MOHD SHUKOR BIN HJ. MAHFAR

Ketua Pegawai Eksekutif/
Ketua Pengarah Hasil Dalam Negeri
Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia




DATO MOHAMMAD SAIT BIN AHMAD

Timbalan Ketua Pegawai Eksekutif
(Operasi Percukaian)
Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia





ABD AZIZ BIN HASHIM

Timbalan Ketua Pegawai Eksekutif
(Dasar)
Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia



CARTA ORGANISASI





PERNYATAAN TADBIR URUS KORPORAT

Anggota Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia (LHDNM), beriltizam mengekalkan serta memastikan pemakaian piawaian yang tertinggi dalam tadbir urus korporat di LHDNM.

Lembaga Pengarah membentangkan penyata mengenai tadbir urus korporat bagi tahun berakhir 31 Disember 2012. Penyata ini menjelaskan pematuhan amalan terbaik dan proses-proses yang telah dilaksanakan oleh LHDNM.

Anggota Lembaga

LHDNM diterajui oleh Lembaga Pengarah yang diketuai oleh Pengerusi dan enam (6) orang ahli yang memimpin dan mengawal selia Lembaga Hasil Dalam Negeri. Lembaga Pengarah juga bertanggungjawab terhadap keseluruhan tadbir urus LHDNM dan merupakan badan utama yang merangka dan menentukan dasar serta hala tuju LHDNM untuk mencapai kejayaan dalam matlamat strategiknya.

Komposisi Lembaga Pengarah

Pada tarikh Laporan Tahunan ini, Lembaga Pengarah LHDNM terdiri daripada tujuh (7) anggota. Komposisi anggota Lembaga yang sedia ada telah membuktikan bahawa mereka mempunyai pengalaman yang luas dalam perkhidmatan awam, operasi perniagaan, kewangan, percukaian dan perundangan. Pengalaman, pengetahuan dan kepakaran dibina melalui penglibatan berterusan secara profesional dalam bidang masing masing.

Tanggungjawab dan Tugas Lembaga Pengarah

Lembaga Pengarah bertanggungjawab secara keseluruhan dalam pengurusan LHDNM. Lembaga Pengarah telah terlibat sepenuhnya dalam perancangan strategik, menjalankan kajian prestasi operasi LHDNM, melaksanakan kawalan dalaman dan menguatkuasakan pematuhan terhadap kehendak undang-undang yang disyaratkan terhadap LHDNM.

Fungsi Lembaga Pengarah yang lebih khusus termasuk tanggungjawab-tanggungjawab yang berikut :-

1. Menilai dan memutuskan cadangan pewujudan jawatan.
2. Menilai dan meluluskan cadangan Skim Perkhidmatan serta Terma dan Syarat Perkhidmatan.
3. Menimbang dan memutuskan cadangan penyusunan semula struktur organisasi LHDNM.
4. Menimbang dan meluluskan struktur gaji, elaun dan kemudahan.
5. Menimbang dan meluluskan cadangan penerimaan pakai atau pindaan Pekeliling-Pekeliling seperti Pekeliling Perkhidmatan, Surat Pekeliling Perkhidmatan, Pekeliling Perbendaharaan, Perintah Am dan lain-lain pekeliiling yang berkaitan.
6. Menimbang dan meluluskan anggaran belanja mengurus, pembangunan dan kewangan LHDNM.
7. Menimbang dan meluluskan pendapatan LHDNM serta laporan prestasi kewangan, pembangunan dan pelaburan LHDNM.
8. Menimbang dan meluluskan polisi pelaburan, perdagangan, pinjaman, fi, caj serta apa juga kemudahan yang diberi kepada pekerja Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia (pinjaman kenderaan, pinjaman komputer).
9. Memberi khidmat nasihat berkaitan dengan dasar-dasar dan hal ehwal percukaian.
10. Menimbang dan meluluskan cadangan perolehan hartanah, pembinaan bangunan / cawangan LHDNM mengikut keperluan semasa dan pembesaran cawangan.

Mesyuarat LHDNM


Mesyuarat LHDNM dirancang lebih awal dengan tatacara butir maklumat, tempat dan masa. Ini membolehkan Anggota Lembaga merancang jadual dengan sewajarnya untuk memastikan kehadiran yang penuh dalam mesyuarat.

Kertas-kertas cadangan untuk pertimbangan dan perbincangan diedarkan lebih awal bagi memastikan Anggota Lembaga mempunyai masa yang cukup untuk meneliti kertas-kertas cadangan tersebut untuk dibincangkan semasa mesyuarat .

Pada tahun dilaporkan, LHDNM telah mengadakan enam (6) mesyuarat.

Senarai jumlah Mesyuarat Lembaga Pengarah adalah seperti berikut:

- Mesyuarat LHDNM Bil 1/2012 – 25 Februari 2012
- Mesyuarat LHDNM Bil 2/2012 – 11 Mei 2012
- Mesyuarat LHDNM Bil 3/2012 – 11 Jun 2012
- Mesyuarat LHDNM Bil 4/2012 – 8 Ogos 2012
- Mesyuarat LHDNM Bil 5/2012 – 31 Oktober 2012
- Mesyuarat LHDNM Bil 6/2012 – 19 Disember 2012



PERNYATAAN RISIKO

Pernyataan ini menyediakan satu gambaran secara menyeluruh terhadap polisi-polisi pengurusan risiko LHDNM, pematuhan dalaman dan sistem kawal selia.

TANGGUNGJAWAB

Pengurusan Atasan adalah bertanggungjawab ke atas aktiviti pengurusan risiko untuk keseluruhan organisasi. Pengurusan Atasan melalui Jawatankuasa Pengurusan Risiko dan Bahagian Pengurusan Risiko menjalankan tanggungjawab keseluruhan atas pelaksanaan dan pemantauan aktiviti pengurusan risiko dalam LHDNM.

SKOP

Aktiviti pengurusan risiko melibatkan keseluruhan operasi di LHDNM.

PENGAWASAN PENGURUSAN RISIKO

Lembaga Pengarah menjalankan pengawasan pengurusan risiko dan keberkesannya melalui kombinasi polisi dan prosedur dalaman serta Jawatankuasa Audit.

POLISI DAN PROSEDUR DALAMAN

Lembaga Pengarah melaksanakan pengurusan risiko melalui polisi dan prosedur dalaman dalam menghadapi risiko strategik dan operasi yang wujud dalam organisasi. Risiko-risiko yang wujud ini akan memberikan kesan terhadap:-

- Strategi
- Pematuhan
 - Audit
 - Siasatan
 - Pungutan Hasil
- Operasi
 - Aset dan Perolehan
 - Kewangan
 - Undang-Undang
- Sistem
- Reputasi
- Bencana

JAWATANKUASA AUDIT

Peranan Jawatankuasa Audit adalah memperakukan dan memantau pengurusan risiko.

AHLI JAWATANKUASA AUDIT

Pengerusi

YBhg. Datuk Wan Selamah binti Wan Sulaiman
Akauntan Negara Malaysia

Ahli

YBhg. Dato' Mohd Salleh bin Mahmud
Konsultan Swasta

YBhg. Datuk Wira Hj Ahmad Rusli bin Joharie
Konsultan Swasta (sehingga 31 Julai 2012)

YBhg. Datuk Hj Shuib bin Md. Yusop
Konsultan Swasta (mulai 1 Ogos 2012)

PERNYATAAN PENGURUSAN RISIKO


Pernyataan pengurusan risiko dimuatkan dalam Laporan Tahunan LHDNM.

AMALAN TERBAIK TADBIR URUS

Pengurusan risiko membolehkan amalan-amalan terbaik tadbir urus diseragamkan di dalam LHDNM. Melalui Arahan YAB Perdana Menteri No. 1 Tahun 2009 "Gerakan Pemantapan Keutuhan Sistem Pengurusan Pentadbiran Kerajaan Malaysia: Penubuhan Jawatankuasa Keutuhan Tadbir Urus" yang telah dikeluarkan pada 30 November 2009, kementerian, jabatan dan agensi dikehendaki mengamalkan teknik-teknik pengurusan risiko sebelum melaksanakan sesuatu projek atau program terutamanya yang berisiko tinggi untuk meminimumkan risiko semasa pelaksanaannya. Oleh itu, LHDNM menggunakan arahan ini untuk memperkukuhkan lagi struktur sistem pengurusan pentadbiran LHDNM.



PRESTASI KORPORAT



KUTIPAN HASIL

Selama dua tahun berturut-turut pungutan LHDNM telah berjaya ke angka RM100 bilion bermula dengan tahun 2011 sebanyak RM109.609 bilion dan tahun 2012 sebanyak RM124.88 bilion. Kejayaan demi kejayaan dalam peningkatan kutipan cukai langsung kerajaan, dalam tempoh singkat dua (2) tahun, semenjak 2011 lalu adalah hasil daripada 'fine tuning' dalam bentuk perubahan yang dilaksanakan.

Kutipan cukai langsung kerajaan dalam tahun 2012 telah menyumbang RM124.88 bilion. Amaun ini menyumbang 60.07% daripada anggaran keseluruhan hasil Kerajaan Persekutuan yang berjumlah RM207.913 bilion. Prestasi kutipan cukai langsung bagi tahun 2012 berjaya melepasi sasaran yang ditetapkan oleh kerajaan. Kutipan cukai langsung bersih sebanyak RM117.892 bilion (selepas ditolak Tabung Bayaran Balik Cukai berjumlah RM7 bilion), melepasi Unjuran Disemak Kerajaan yang berjumlah RM116.825 bilion sebanyak RM1.067 bilion.

LHDN kutip cukai RM124.88 bilion

IPONH, Ipoh — Lembaga Hasil Dalam Negeri (LHDN) mengutip cukai sebanyak RM124.69 bilion sehingga semalam, dan jumlah itu melepasi unjuran yang dibina oleh Kementerian Kewangan untuk tahun ini.

Menyentuh Kewangan Kedua Datuk Seri Ahmad Hani Hanadiah berkata prestasi pemerlang agensi itu sekali gus melepasi unjuran RM123.82 bilion, selepas sumakan semula unjuran asal sebanyak RM109.09 bilion.

"LHDN berjaya melepasi sasaran kerjaya. Jumlah hasil kutipan cukai ini meningkat sebanyak 13.56 peratus berbanding RM109.61 bilion pada 2011. Kutipan bagi tahun 2011 itu telah meningkat sebanyak 26.72 peratus berbanding kutipan berjumlah RM86.46 bilion yang dijangka pada 2010," katanya kepada wartawan di sini Sabtu.

Beliau berkata kejayaan semulajuta LHDN ini dibantu beberapa strategi yang dipraktikkan, termasuk pematuhan Perintah Protesis (Utama (KPI) untuk 10 aktiviti cukai yang meliputi Kutipan Hasil, Ayatan Bebas Tarima, Serokanan Kawat Pungutan, Amak Laju, Serokanan Bilik, Serokanan, Serokan Berlesen dan cukai perkhidmatan elektronik LHDN. Beliau ditanya mengenai prestasi LHDN dalam meningkatkan agensi itu, beliau itu ditanya mengenai LHDN, beliau berkata, "Persekitaran KPI yang membolehkan pematuhan setiap dan setiap yang membolehkan agensi untuk berprestasi dengan lebih baik."

Beliau berkata, "Kejayaan ini adalah hasil dari peningkatan dalam pematuhan KPI yang membolehkan agensi untuk berprestasi dengan lebih baik."

prestasi tahun lepas sekali gus meningkatkan hasil sebanyak RM207 juta," katanya.

Ahmad Hani yang juga anggota Parlimen Tambun berkata aktiviti pungutan turut dipantau yang melibatkan bayaran anggaran cukai syarikat, individu serta potongan cukai buangan, selain memantau ansuran bagi kos tanggakan hasil.



Beliau berkata kecekapan sistem perkhidmatan kepada pembayar cukai turut dipertingkatkan dengan penyediaan pelbagai perkhidmatan elektronik seperti e-Filing, e-Daftar dan e-Bayaran selain proses pembayaran balik cukai juga dipercepat dan dipermudah melalui pertukaran dana elektronik (EDFT).

Perkhidmatan elektronik memberi kesan peningkatan kecekapan perkhidmatan kepada pembayar cukai dan turut meningkatkan pematuhan pembayar cukai terhadap peraturan serta menjangkiti pengiraan cukai.

"Sehingga 30 Nov lepas, LHDN telah memproses 98.46 peratus bayaran balik diutpada ke yang layak dibayar balik. Bilangan bank yang menjadi ejen kutipan LHDN juga kita tingkatkan. Ketika ini 11 bank dan Pos Malaysia terlibat sebagai ejen kutipan," katanya.


Pada Ahad lepas, Perdana Menteri Datuk Seri Najib Tun Razak berkata kerajaan LHDN meningkatkan kutipan hasil pada 2011 hampir 27 peratus lebih tinggi berbanding tahun 2010, meningkatkan pencapaian luar biasa.

Sejak bertolak kerjaya beliau ini agensi itu telah berjaya meningkatkan hasil kutipan sebanyak RM109.7 bilion bagi tahun 2011. Beliau berkata, "Kejayaan ini adalah hasil dari peningkatan dalam pematuhan KPI yang membolehkan agensi untuk berprestasi dengan lebih baik."




PRESTASI KORPORAT

Kemampuan untuk mengutip cukai, adalah berkait secara langsung dengan kedudukan ekonomi negara serta prestasi penyumbang-penyumbang terbesar hasil langsung negara seperti petroleum, syarikat-syarikat korporat dan sebagainya. Komponen cukai syarikat masih merupakan penyumbang utama dan terbesar kepada pungutan hasil di mana sejumlah RM59.31 bilion dikutip iaitu menyumbang sebanyak 47.48% daripada keseluruhan hasil cukai. Ini diikuti oleh cukai pendapatan petroleum dan individu yang masing-masing menyumbang RM 33.93 bilion (27.17%) dan RM22.96 bilion (18.38%) daripada hasil kutipan keseluruhan tahun 2012.




KECEKAPAN PENGURUSAN CUKAI

Untuk tahun 2012, LHDNM berjaya meningkatkan kecekapan pengurusan cukai dengan mengurangkan nisbah kos kecekapan pengurusan cukai pada kadar RM0.84 bagi setiap RM100 cukai yang dikutip. Kejayaan mengurangkan kadar kos pada tahap yang rendah ini membuktikan LHDNM berjaya menjalankan aktiviti pengurusan cukai langsung negara secara berhemah dan berkesan walaupun negara masih berdepan dengan ketidakpastian krisis ekonomi global semasa.



NISBAH KECEKAPAN PENGURUSAN CUKAI





PEMATUHAN CUKAI

Audit Cukai

Pelaksanaan program audit cukai yang berkesan adalah antara faktor penting bagi meningkatkan tahap pematuhan cukai. Program audit cukai yang kurang berkesan dan terancang akan menyebabkan kemerosotan tahap pematuhan dalam pengisytiharan pendapatan di kalangan pembayar cukai yang akhirnya menjejaskan kutipan cukai.

Menyedari akan hakikat ini, LHDNM memberi tumpuan utama kepada pemantapan dan pelaksanaan program audit cukai.

Dalam tahun 2012, bilangan kes syarikat dan selain syarikat yang selesai diaudit ialah 1,935,078 kes berbanding 1,910,913 kes yang selesai diaudit dalam tahun 2011. Amaun cukai tambahan dan penalti yang diperoleh hasil penyelesaian audit untuk tahun 2012 meningkat kepada RM3.290 juta berbanding RM2,672.78.



PRESTASI KORPORAT


Program audit cukai dijalankan melalui dua kaedah utama iaitu audit luar dan audit meja. Aktiviti audit luar dilaksanakan bagi mengesan sebarang langkah mengurangkan tanggungan cukai oleh pembayar cukai yang diaudit. Pada masa yang sama, langkah ini bertujuan mewujudkan kesedaran di kalangan pembayar cukai yang belum diaudit tentang kemungkinan mereka juga akan terpilih untuk diaudit pada masa hadapan.

Dalam tahun 2012, jumlah kes audit luar yang diaudit dan diselesaikan telah meningkat kepada 18,701 dan 22,783 kes iaitu peningkatan sebanyak 5.96% dan 74.16% masing-masing berbanding tahun 2011. Jumlah kutipan melalui aktiviti ini juga turut meningkat daripada RM627.47 juta dalam tahun 2011 kepada RM642.73 juta dalam tahun 2012.

Selain daripada aktiviti audit luar yang memerlukan pegawai memeriksa akaun pembayar cukai di premis perniagaan mereka, aktiviti audit meja juga turut dipertingkatkan. Tumpuan utama aktiviti ini adalah untuk:

- Menyemak dan membangkitkan taksiran tambahan dengan penganan penalti bagi kes-kes kurang/gagal melaporkan pendapatan atau membuat tuntutan berlebihan berdasarkan pemeriksaan yang dilakukan terhadap Borang Nyata Cukai Pendapatan dan maklumat kewangan yang dikemukakan oleh pembayar cukai; dan
- Mengendalikan dan mengaudit kes-kes bayaran balik.

Pada tahun 2012 bilangan penyelesaian audit meja telah meningkat sebanyak 0.76% kepada 1,912,295 manakala amaun cukai dan penalti mencatatkan peningkatan sebanyak 29.44% kepada RM2,647.55 juta berbanding tahun 2011.




Audit Pindahan Harga

Pindahan harga adalah istilah yang digunakan bagi penentuan harga bagi transaksi antara syarikat berkaitan. Transaksi ini termasuk jualan dan belian harta ketara dan tidak ketara, serta perkhidmatan. Isu utama dalam pindahan harga ialah memastikan prinsip harga selengan, iaitu harga yang biasanya dikenakan bagi transaksi antara dua pihak yang tidak berkaitan, dipatuhi dalam urus niaga transaksi terkawal. Dalam keadaan tertentu, pihak berkuasa cukai mendapati syarikat-syarikat multinasional menjalankan transaksi antara syarikat berkaitan tanpa mematuhi prinsip harga selengan tersebut. Terdapat juga keadaan di mana pindahan harga digunakan sebagai elemen dalam perancangan cukai. Kesan ketara isu pindahan harga ini ialah pembahagian keuntungan yang tidak setara, sekaligus menjejaskan hasil cukai lebih daripada satu wilayah kuasa cukai.

Disebabkan kesan ketara isu pindahan harga ini, LHDNM selama beberapa tahun, telah mengambil langkah-langkah untuk mengukuhkan lagi aktiviti berkaitan dengan pindahan harga. Di peringkat yang lebih tinggi, LHDNM telah meningkatkan aktiviti berkaitan pindahan harga di peringkat yang lebih global, seperti penglibatan CEO dalam forum-forum di serata dunia, serta penglibatan pegawai-pegawai di Jabatan Cukai Multinasional secara aktif di peringkat antarabangsa, antaranya program anjuran Organisation for Economic Cooperation and Development (OECD).

Pada tahun 2012 aktiviti audit pindahan harga telah merekodkan peningkatan yang ketara dalam jumlah kutipan cukai.



Audit Potongan Cukai Bulanan (PCB)

Program audit PCB yang diadakan serentak dengan pelaksanaan audit cukai, adalah bertujuan memeriksa tahap pematuhan majikan dalam melaksanakan potongan cukai daripada saraan pekerja dan meremittkannya ke LHDNM mengikut peraturan yang ditetapkan dalam Kaedah-kaedah Cukai Pendapatan (Potongan Daripada Saraan), 1994. Audit PCB dilakukan dengan membuat pemeriksaan rekod gaji pekerja di premis majikan.

Daripada 56,252 kes yang diaudit dalam tahun 2012, kadar tidak patuh arahan PCB adalah pada 17%. Manakala kutipan dari cukai yang kurang dipotong telah meningkat sebanyak 15.72% dari RM57.88 juta kepada RM66.98 juta. Kompaun yang dikenakan juga meningkat sebanyak 12.28% daripada RM6.35 juta kepada RM7.13 juta.

Tahun	Bilangan Majikan Di Audit	Majikan Tidak Patuh		Cukai Kurang Dipotong (RM Juta)	Kompaun (RM Juta)	Jumlah Cukai & Kompaun (RM Juta)	Bilangan Kesalahan Didakwa Di Mahkamah
		Bilangan	%				
2012	56,252	9,573	17	66.98	7.13	74.11	787
2011	37,691	5,679	15	57.88	6.35	64.23	632

Banci Bisnes

Operasi banci bisnes kini dikenali sebagai Ops Mesra Hasil adalah merupakan salah satu operasi yang dijalankan oleh LHDNM secara berkala di peringkat nasional dan di peringkat Pejabat Pengarah Negeri LHDNM seluruh Malaysia. Ops Mesra Hasil juga merupakan aktiviti khas pengesanan dan sebagai inisiatif untuk meningkatkan keberkesanan dan keupayaan LHDNM dalam usaha meningkatkan kutipan hasil.

Antara objektif banci bisnes

- Meningkatkan tahap kesedaran pembayar cukai
- Membantu peningkatan kutipan hasil
- Mengurangkan tunggakan hasil
- Pembesaran asas cukai

Selain itu, banci bisnes juga bertujuan memberikan pendidikan cukai kepada orang ramai di mana LHDNM akan mengadakan Kaunter Khidmat Pelanggan di persekitaran lokasi operasi banci bisnes dijalankan. Antara topik yang diberi penekanan ialah:

Tanggungjawab individu

- Daftar sebagai pembayar cukai
- Kemaskini butiran peribadi
- Hantar Borang Nyata Cukai Pendapatan
- Cara penyimpanan rekod perniagaan

Pendapatan perniagaan individu

- Milikan tunggal
- Perkongsian
- Tanggungjawab peniaga
- CP500

Tanggungjawab majikan

- PCB
- CP38
- Borang E

PRESTASI KORPORAT

Sepanjang tahun 2012, operasi banci bisnes telah dijalankan dengan melibatkan pegawai-pegawai di Ibu Pejabat dan cawangan-cawangan LHDNM seluruh Malaysia.

Antara masalah yang dihadapi semasa operasi banci bisnes dijalankan termasuklah:

- i. Pemilik perniagaan tiada di premis;
- ii. Tidak memberikan kerjasama disebabkan:
 - Kesibukan melayani pelanggan
 - Tidak mahu bekerjasama semasa temuduga dijalankan
 - Sengaja menyembunyikan maklumat perniagaan
 - Premis ditutup/tidak beroperasi semasa lawatan
- iii. Kegagalan membuat serahan sendiri (Pemberitahu cukai dinaikkan, notis tuntutan & pemberitahuan tindakan mahkamah) kerana pembayar cukai tiada di premis atau telah berpindah.

Antara manfaat pelaksanaan operasi banci bisnes:

- i. Manfaat kepada LHDNM ialah meningkatkan kesedaran terhadap pematuhan cukai secara sukarela yang akan membawa kepada peningkatan kutipan cukai.
- ii. Manfaat kepada orang ramai/pembayar cukai termasuklah:
 - Mendapat maklumat yang jelas dan tepat secara langsung daripada pegawai LHDNM.
 - Memudahkan penghantaran Borang Nyata Cukai Pendapatan dan borang-borang lain di kaunter-kaunter yang diadakan semasa operasi banci bisnes.
 - Mendapat maklumat percukaian secara terperinci melalui risalah-risalah yang diedarkan semasa operasi banci bisnes.
 - Orang ramai dan pembayar cukai dapat mewujudkan jaringan hubungan yang baik dengan pegawai-pegawai LHDNM.



PENGUATKUASAAN DAN PENDAKWAAN



Program Siasatan


LHDNM sangat komited memastikan penguatkuasaan secara menyeluruh dan konsisten untuk mengesan dan mengambil tindakan ke atas pelarian cukai. Langkah ini adalah penting bagi memastikan keadilan kepada pembayar cukai yang menjalankan tanggungjawab mereka. Aktiviti siasatan dilaksanakan secara menyeluruh dengan memberi keutamaan terhadap kes berprofil tinggi dalam usaha meningkatkan pematuhan secara sukarela. Kaedah siasatan terbahagi kepada dua iaitu siasatan sivil dan siasatan jenayah.

Perubahan dari aspek fokus siasatan menyebabkan pengurangan pengambilan kes sivil bagi tahun 2012. Sehubungan itu, bilangan kes siasatan sivil dalam tahun 2012 menurun berbanding dengan tahun 2011. Ini adalah kerana prosedur siasatan jenayah perlu dilaksanakan dengan teliti, teratur, tepat dan sistematik bagi tujuan mendakwa pembayar cukai yang terlibat dalam pelarian cukai di mahkamah. Dalam tahun 2012, bilangan kes siasatan sivil yang berjaya diselesaikan adalah sebanyak 764 kes berbanding 961 kes dalam tahun 2011 iaitu penurunan sebanyak 25.78%. Amaun cukai tambahan (iaitu berkaitan cukai dan penalti) yang diperolehi hasil daripada penyelesaian kes yang disiasat mencatatkan penurunan 16.65% berbanding dengan tahun sebelumnya iaitu daripada RM811.5 juta dalam tahun 2011 kepada RM695.7 juta pada tahun 2012.

Manakala siasatan jenayah dilaksanakan untuk mengesan dan menyiasat kegiatan pelarian cukai dengan sengaja dan seterusnya mengambil tindakan pendakwaan di mahkamah. Tindakan pendakwaan di mahkamah ini diambil ke atas pembayar cukai yang melakukan kesalahan di bawah Seksyen 113(1), Seksyen 114(1) dan Seksyen 120 Akta Cukai Pendapatan 1967. Denda dan hukuman yang akan dikenakan adalah bergantung kepada jenis kesalahan yang dilakukan di bawah seksyen-seksyen tersebut.

Sebagai agensi penguatkuasa undang-undang di bawah AMLATFA 2001, LHDNM boleh mengambil tindakan membekukan, menyita atau melucuthak harta mereka yang disiasat. Sepanjang tahun 2012, LHDNM telah membekukan sebanyak 1,011 akaun bank milik syarikat dan individu yang dipercayai melakukan atau bersubahat melakukan kesalahan pelarian cukai yang merupakan kesalahan berat yang tersenarai dalam Jadual 2 AMLATFA 2001. Perintah penghakiman untuk melucuthak 6 akaun bank berjumlah RM0.833 juta kepada LHDNM turut diperolehi pada tahun 2012.





PEMUNGUTAN

Tindakan Larangan Meninggalkan Negara

Penguatkuasaan bagi larangan meninggalkan negara (seksyen 104, Akta Cukai Pendapatan 1967) akan diambil ke atas pembayar cukai yang gagal menjelaskan tanggungan cukai pendapatan dan cukai keuntungan harta tanah serta dipercayai akan keluar/meninggalkan negara. Dalam tahun 2012, seramai 9,339 pembayar cukai bagi kategori cukai pendapatan dan 1,594 pembayar cukai bagi kategori Cukai Keuntungan Harta Tanah (CKHT) telah dikenakan tindakan penguatkuasaan larangan tersebut. Ia melibatkan amaun tunggakan cukai sebanyak RM279.82 juta dan RM20.12 juta masing-masing. Manakala sebanyak 9,693 kes cukai pendapatan dan 4,144 kes CKHT telah ditarik balik sepanjang tahun 2012 disebabkan pembayar cukai telah menjelaskan tanggungan cukai dan melibatkan amaun sebanyak RM138.09 juta dan RM83.13 juta masing-masing.

Tindakan Guaman Sivil

Sepanjang tempoh 2012, LHDNM telah mengambil tindakan guaman sivil ke atas pembayar cukai yang gagal menyelesaikan cukai yang terhutang sama ada cukai di bawah Akta Cukai Pendapatan 1967 atau Akta Cukai Keuntungan Harta Tanah 1976 dengan memfailkan saman dan pernyataan tuntutan di mahkamah. Tindakan pendakwaan bagi mengutip tanggungan cukai yang terhutang dilakukan di mahkamah tertentu bergantung kepada amaun tanggungan cukai bagi setiap kes.

Dalam tahun 2012, LHDNM telah memfailkan 21,602 saman sivil ke mahkamah. Jumlah saman ini adalah melibatkan 19,304 kes individu dan 2,298 kes syarikat

dengan tanggungan cukai berjumlah RM456.41 juta dan RM640.64 juta masing-masing.

Setelah penghakiman diperolehi, tindakan menguatkuasa dan melaksanakan penghakiman seperti berikut akan diambil:

- Tindakan writ saman penyitaan dan penjualan, saman penghutang, atau kebangkrapan bagi pembayar cukai individu; dan
- Tindakan penggulangan bagi pembayar cukai syarikat.

Bagi kes yang telah mendapat perintah kebangkrapan atau penggulangan, bukti hutang akan didaftarkan di Jabatan Insolvency Malaysia.

Sepanjang tahun 2012, LHDNM memberi penekanan serius kepada program pungutan yang dijalankan bagi memastikan keberkesanan dan kecekapan dalam kutipan cukai. Penekanan kepada program pungutan adalah memfokuskan kepada aktiviti teras seperti berikut:

- Membuat anggaran cukai melalui Potongan Cukai Bulanan dan Skim Bayaran Ansuran ;
- Mengurangkan tunggakan hasil (Akaun Belum Terima) sebanyak 58% pada hujung tahun 2012; dan
- Memastikan bayaran balik diproses mengikut tempoh seperti yang dinyatakan dalam Piagam Pelanggan LHDNM.

TINDAKAN LARANGAN MENINGGALKAN NEGARA

Jenis Cukai	Bilangan Kes Berkuat kuasa (Tahun 2011 dan Sebelum)	Jumlah Cukai Yang Terlibat (RM Juta)	Bilangan Kes Didaftarkan (Januari - Disember 2012)	Jumlah Cukai Yang Terlibat (RM Juta)	Bilangan Kes Berkuat kuasa (Sehingga 2012*)	Jumlah Cukai Yang Terlibat (RM Juta)
Cukai Pendapatan	51,287	1,671.14	9,339	279.82	50,933	1,812.92
Cukai Keuntungan Harta Tanah (CKHT)	8,652	173.46	1,594	20.12	6,102	110.45
Jumlah	59,939	1,844.60	10,933	300.00	57,035	1,923.37

*Bilangan kes berkuat kuasa sehingga 31 Disember 2012 (termasuk kes sebelum tahun 2012).

PEMUNGUTAN

Potongan Cukai Bulanan (PCB)

Pembayar cukai individu yang berpendapatan penggajian membuat bayaran cukai melalui Potongan Cukai Bulanan (PCB) yang dipotong oleh majikan masing-masing daripada saraan bulanan pekerja. Potongan ini dibuat mengikut Kaedah-kaedah Cukai Pendapatan (Potongan daripada Saraan) 1994, bertujuan untuk mengurangkan beban pekerja membayar cukai sekaligus apabila cukai dikira semasa mengemukakan Borang Nyata Cukai Pendapatan. Untuk tahun 2012 penentuan amaun PCB adalah berdasarkan kepada dua kaedah iaitu Jadual PCB atau Kaedah Pengiraan Komputer. Bagi majikan yang menentukan amaun PCB menggunakan Kaedah Pengiraan Berkomputer, pekerja boleh membuat tuntutan potongan dan rebat yang dibenarkan di bawah Akta pada setiap bulan atau mana-mana bulan dikehendaki dalam tahun semasa. Manakala bagi majikan yang menggunakan Jadual PCB, mereka dikehendaki menggunakan sistem/aplikasi yang dibangunkan oleh LHDNM sekiranya terdapat pekerja yang ingin membuat potongan dan rebat yang dibenarkan.

Dalam tahun 2012, pungutan melalui PCB adalah sebanyak RM15,649.81 juta berbanding RM13,227.53 juta dalam tahun 2011. Ia telah menyumbang kepada 12.53% pungutan cukai langsung. LHDNM turut memperluaskan kemudahan untuk membuat pembayaran PCB kepada majikan melalui perbankan elektronik dan melalui kaunter bank yang dilantik sebagai ejen penerimaan.

PUNGUTAN PCB MENGIKUT KAEDAH PEMBAYARAN (RM JUTA)		
	2012	2011
Kaunter Bayaran LHDNM		
Jumlah	12,794.17	11,382.67
Kaunter Bank		
CIMB Bank Berhad	354.29	346.93
Public Bank Berhad	826.55	640.01
Jumlah	1,180.84	986.90
Perbankan Internet		
CIMB Bank Berhad	419.65	285.84
Public Bank Berhad	221.68	171.40
RHB Bank Berhad	245.82	149.69
Alliance Bank Berhad	44.89	26.35
Maybank Berhad	291.04	103.96
Hong Leong Bank Berhad (EON Bank)	4.46	3.35
OCBC Bank Berhad	91.91	48.37
Citibank	344.51	64.22
HSBC Bank	1.01	0.01
Ambank	2.75	0.03
e-PCB & e-Data PCB	7.08	4.74
Jumlah	1,674.80	857.96
Jumlah Besar	15,649.81	13,227.53

PEMUNGUTAN

Pungutan Cukai Melalui Skim Bayaran Ansuran

Terdapat dua kategori bagi pungutan cukai melalui bayaran ansuran di bawah Seksyen 107B dan Seksyen 107C Akta Cukai Pendapatan 1967:

- a) Pembayar cukai kategori individu yang berpendapatan perniagaan :
 - Kutipan cukai adalah secara ansuran dwibulanan menerusi notis bayaran ansuran (Borang CP500) yang dikeluarkan oleh Ketua Pengarah Hasil Dalam Negeri;
 - Jadual ansuran bermula bulan Mac sehingga Januari tahun berikutnya; dan
 - Permohonan pindaan (Borang 502) boleh dibuat sebelum 30 Jun tahun berkenaan.
- b) Pembayar cukai kategori syarikat, koperasi, badan amanah, amanah unit dan amanah pelaburan:
 - Kutipan cukai adalah secara ansuran bulanan berdasarkan anggaran cukai (CP204) yang dikemukakan oleh pembayar cukai pada atau sebelum tarikh akhir dibenarkan mengikut tempoh asas perakaunan pembayar cukai.
 - Notis Anggaran Cukai Kena Dibayar (CP205) akan dikeluarkan bagi pembayar cukai yang gagal mengemukakan Borang CP204.
 - Jadual ansuran bermula dari bulan kedua tempoh asas bagi sesuatu tahun taksiran; dan
 - Permohonan pindaan (Borang CP204A) boleh dibuat pada bulan keenam atau kesembilan tempoh perakaunan atau pada kedua-dua bulan tersebut.

Kegagalan mematuhi jadual pembayaran ansuran bagi kedua-dua kategori pembayar cukai di atas akan menyebabkan kenaikan cukai sebanyak 10% ke atas baki ansuran yang tidak dibayar.

ANGGARAN CUKAI SYARIKAT (BORANG CP204) DAN BAYARAN ANSURAN INDIVIDU (BORANG CP500)		
	2012	2011
Bilangan Borang CP204 Diterima	295,538	296,456
Anggaran Cukai Borang CP204* (RM Juta)	49,563.01	41,013.49
Bilangan Borang CP500 Dikeluarkan	327,018	264,918
Bayaran Ansuran Borang CP500** (RM Juta)	2,121.45	1,743.59

* Anggaran cukai yang dinyatakan dalam CP204 (bagi kategori syarikat, koperasi dan badan amanah) adalah sebelum apa-apa pindaan dan bayaran dibuat.
** Bayaran ansuran CP500 (bagi kategori selain syarikat) adalah sebelum apa-apa pindaan dan bayaran dibuat.

PEMUNGUTAN

Pengurusan Tunggakan Hasil

Sebagai agensi pemungut cukai utama kepada kerajaan, LHDNM bertanggungjawab memastikan tanggungan cukai yang perlu dibayar kepada kerajaan dapat dikutip dengan cekap dan berkesan bagi mengelakkan berlakunya tunggakan hasil. Pengurusan tunggakan hasil sentiasa diutamakan dan dipertingkatkan bagi mengurangkan amaun tunggakan ke tahap yang minimum bagi kes tahun semasa di samping mengelakkan kewujudan tunggakan baharu.

Sehingga 31 Disember 2012, sebanyak 840,435 kes tunggakan cukai berjaya diselesaikan. Pencapaian bagi tindakan pengurangan kes tunggakan cukai ini telah mengurangkan baki Akaun Belum Terima (ABT) sebanyak 70.69% dan melibatkan amaun sebanyak RM7.47 bilion.

Pungutan Cukai Pegangan

Pungutan cukai bagi beberapa jenis bayaran yang diterima oleh penerima bukan pemastautin daripada pembayar yang bermastautin di Malaysia, dilaksanakan melalui kaedah cukai pegangan. Pungutan cukai pegangan dilaksanakan ke atas jenis-jenis pendapatan di bawah peruntukan Akta Cukai Pendapatan 1967 seperti berikut:

- Seksyen 107A (bayaran kontrak);
- Seksyen 109/109B (faedah, royalti, bayaran perkhidmatan atau yuran, sewa, dan bayaran lain);
- Seksyen 109C (faedah [kecuali faedah yang dikecualikan] dibayar oleh institusi kewangan yang diluluskan); dan
- Seksyen 109D (pengagihan pendapatan daripada Unit Amanah).

Tahun 2012, sejumlah RM2,097.07 juta telah dipungut melalui mekanisme ini.

PUNGUTAN CUKAI PEGANGAN

Tahun	Seksyen 107A (RM Juta)	Seksyen 109 / 109B (RM Juta)	Seksyen 109C (RM Juta)	Seksyen 109D (RM Juta)
2012	168.87	1,891.87	3.22	33.11
2011	86.04	1,406.77	2.15	30.14

PRESTASI KORPORAT

PERKHIDMATAN PELANGGAN

Pembayaran Balik

Penekanan kepada aktiviti bayaran balik mengikut tempoh yang ditetapkan ini adalah selaras dengan pengenalan moto perkhidmatan LHDNM untuk memberi perkhidmatan yang terbaik kepada pelanggan dan juga meningkatkan mutu sistem penyampaian perkhidmatan dalam apa jua senario ekonomi yang dihadapi.

Semua kes bayaran untuk tahun semasa akan dibuat tanpa permohonan pembayar cukai dan akan diproses dalam tempoh seperti berikut dengan syarat Borang Nyata Cukai Pendapatan (BNCP) yang diterima adalah lengkap dan teratur:

- 30 hari bekerja dari tarikh BNCP diterima jika BNCP diterima secara e-Filing; dan
- 90 hari bekerja dari tarikh BNCP diterima jika BNCP diterima secara manual.

Dalam tahun 2012, LHDNM telah berjaya mengeluarkan baucar bayaran balik sebanyak 1,727,883 kes yang melibatkan RM6,897 juta berbanding 1,566,370 kes yang melibatkan RM 5,772.47 juta tahun 2011.


Electronic Fund Transfer (EFT) dilaksanakan bagi tujuan pembayaran balik cukai terlebih bayar kepada pembayar cukai di mana amaun pembayaran balik akan dimasukkan terus ke akaun bank pembayar cukai yang mengemukakan nombor akaun mereka. Dengan pelaksanaan EFT ini, proses pembayaran balik dapat dipercepatkan dan menghapuskan penggunaan cek sebagai medium pembayaran. Selain itu, EFT juga dapat mengurangkan masalah yang timbul seperti cek tidak diterima oleh pembayar cukai, kes-kes penipuan yang melibatkan cek dan juga cek tamat tempoh.

PRESTASI PEMBAYARAN BALIK CUKAI			
		2012	2011
Selain Syarikat	Bilangan Kes	1,512,175	1,494,667
	Amaun (RM Juta)	2,000.37	1,719.76
Syarikat	Bilangan Kes	215,708	71,703
	Amaun (RM Juta)	4,896.63	4,052.71

Call-Out-Centre (COC)

COC berperanan menghubungi pembayar cukai yang mempunyai tanggungan cukai yang belum dijelaskan. Tujuan panggilan tersebut adalah untuk mengingatkan pembayar cukai tentang tanggungjawab menjelaskan hutang cukai dan memaklumkan tindakan penguatkuasaan yang bakal diambil sekiranya pembayaran masih gagal dilakukan. Bagi pembayar cukai yang menghadapi masalah aliran tunai, pegawai Call-Out-Centre akan membantu memudahkan mereka menyelesaikan hutang tersebut dengan menjadualkan semula pembayaran ansuran mengikut keupayaan kewangan pembayar cukai.

Pendekatan pemungutan hutang cukai secara mesra dan membantu menerusi Call-Out-Centre mendapat sambutan baik daripada pembayar cukai yang terlibat. Tahun 2012 sebanyak 55,618 panggilan yang melibatkan amaun tunggakan cukai berjumlah RM575.40 juta telah dibuat. Sebanyak RM343.82 juta berjaya dikutip daripada amaun tunggakan tersebut.



PERKHIDMATAN PELANGGAN


Peningkatan Penyampaian Perkhidmatan Kepada Pelanggan

LHDNM sentiasa memberi keutamaan kepada program peningkatan kualiti sistem penyampaian perkhidmatan yang diberikan. Perkhidmatan pelanggan yang disediakan oleh LHDNM membolehkan orang ramai mendapatkan maklumat percukaian dengan mudah dan cepat melalui program-program yang dirangka khas serta melalui penyediaan pelbagai kemudahan yang lain.

Pusat Khidmat Pelanggan (PKP)

PKP ditubuhkan bagi memberi perkhidmatan percukaian khususnya menerusi telefon dan e-mel. Pembayar cukai boleh menghubungi LHDNM dengan mudah melalui talian bebas tol 1-800-88-5436 (LHDN). LHDNM mempunyai dua lokasi PKP iaitu di Petaling Jaya, Selangor dan Kuching, Sarawak. Panggilan-panggilan yang diterima akan diagihkan secara automatik ke PKP Petaling Jaya atau PKP Kuching untuk dikendalikan.

Prestasi Pusat Khidmat Pelanggan



Pusat Khidmat Hasil (PKH)

PKH ditubuhkan bagi meluaskan perkhidmatan penyeteman ke daerah yang kecil dan seterusnya mengambil alih tugas penyeteman dari Pejabat Daerah. Antara perkhidmatan yang ditawarkan di PKH ialah taksiran dan pembayaran duti setem, pengendorsan surat cara pindah milik, pinjaman dan lain-lain serta khidmat nasihat percukaian. Penubuhan PKH telah berjaya memudahkan urusan berhubung duti setem dan ia juga telah menyumbang kepada peningkatan kutipan duti setiap tahun. Sehingga 31 Disember 2012, LHDNM telah mempunyai sebanyak 20 buah PKH yang beroperasi di seluruh negara.

KUTIPAN DUTI SETEM DI PUSAT KHIDMAT HASIL

PKH dan Penubuhan	2011 (RM juta)	2012 (RM juta)
Manjung (01.04.2004)	26.88	26.40
Hulu Langat (15.04.2004)	73.19	99.67
Batu Pahat (01.06.2004)	44.55	44.76
Lahad Datu (01.07.2005)	0.55	1.54
Kudat (15.07.2005)	0.36	0.83
Mukah (26.09.2005)	0.12	0.18
Limbang (15.11.2005)	1.65	2.06
Kemaman (05.12.2005)	7.16	9.75
Bentong (09.07.2007)	19.76	30.42
Sri Aman (01.10.2007)	1.55	1.70
Tampin (15.10.2007)	5.25	7.18
Kuala Pilah (02.01.2008)	3.33	6.07
Segamat (15.08.2008)	12.71	17.10
Tanah Merah (01.04.2009)	2.35	3.18
Besut (02.12.2012)	0.00	0.13
Jasin (01.11.2012)	0.00	0.18
Kulim (16.12.2012)	0.00	0.02
Langkawi (01.04.2012)	0.00	2.06
Cyberjaya (27.12.2012)	0.00	7.78
Pontian (01.06.2012)	0.00	4.95
Jumlah	199.41	265.96


PERKHIDMATAN PELANGGAN

Kaunter Bayaran

Kaunter bayaran LHDNM terdapat di Cawangan Pungutan Kuala Lumpur, Cawangan Kuching di Sarawak dan Cawangan Kota Kinabalu di Sabah. Kaunter bayaran tersebut menerima bayaran cukai berbentuk tunai, cek, bank draf, atau kiriman wang pos. Pengiriman bayaran cukai melalui pos juga boleh dikemukakan melalui pos ke cawangan berkenaan.

Selain itu, urusan pembayaran cukai juga boleh dibuat di semua kaunter CIMB Bank Berhad, Public Bank Berhad, Hong Leong Bank dan Maybank Berhad yang telah dilantik sebagai ejen penerima bayaran cukai.

PRESTASI PEMBAYARAN CUKAI



- Kaunter Bayaran* dan melalui Mel (RM74,907.19 juta)
- Kaunter Bank (RM20,816.06 juta)
- Perbankan Internet (RM24,018.64 juta)
- Lain-lain (RM5,150.06 juta)

* Kaunter bayaran di Cawangan Pungutan Kuala Lumpur, Kuching dan Kota Kinabalu.

** Meliputi duti setem, duti harta pesaka, IOFC, pendaftaran perniagaan dan lain-lain.


Kaunter Setempat

Perkhidmatan kaunter setempat dikendalikan oleh Unit Khidmat Pelanggan (UKP) di semua cawangan LHDNM bagi membolehkan pembayar cukai mengendalikan semua urusan percukaian di satu lokasi dalam persekitaran yang lebih selesa, mesra dan cepat. Dalam usaha penambahbaikan perkhidmatan kaunter ini, pembayar cukai diberi peluang menyuarakan sebarang pandangan dan aduan melalui Peti Maklum Balas Perkhidmatan yang ditempatkan di semua kaunter LHDNM dan Peti Aduan/ Cadangan yang ditempatkan di kaunter LHDNM. Manakala aduan boleh dibuat secara interaktif dengan menggunakan Borang Interaktif melalui portal rasmi LHDNM.

Kaunter Perkhidmatan di Pameran/Ekspo


Kaunter perkhidmatan LHDNM dibuka bagi mempromosi penggunaan perkhidmatan elektronik LHDNM semasa berlangsungnya beberapa ekspo perdagangan, pameran dan acara keramaian yang dianjurkan oleh kerajaan, badan berkanun, syarikat swasta, majlis perbandaran serta Institusi Pengajian Tinggi. Antara ekspo yang telah disertai sepanjang tahun 2012 adalah Going 'e' with LHDNM, Promosi Perkhidmatan Bayaran Secara Elektronik, HR Petronas Gas Berhad, Minggu Amanah Saham Malaysia (MSAM) dan Women & Money Asia Convention 2012.





PERKHIDMATAN PELANGGAN

Program Bulan Perkhidmatan Pembayar Cukai (BPPC) 2012 diadakan bagi menggalakkan pembayar cukai memfailkan Borang Nyata Cukai Pendapatan (BNCP) melalui e-Filing dan memastikan BNCP diisi dengan betul dan tepat. Ia juga menggalakkan pembayar cukai menggunakan perkhidmatan-perkhidmatan elektronik yang disediakan oleh LHDNM, memberi khidmat nasihat berkenaan hal-hal percukaian kepada pembayar cukai dan menggalakkan pembayar cukai membuat urusan percukaian melalui perkhidmatan elektronik dari luar pejabat LHDNM. Program BPPC 2012 diadakan dari tempoh 1 Mac 2012 hingga 30 Jun 2012. Tempat pelancaran BPPC 2012 adalah di Menara Hasil, Cyberjaya dan temanya adalah “Andalah Wira Negara”.




PROGRAM PENDIDIKAN CUKAI

Program pendidikan cukai dirancang untuk memberi pendedahan dan kesedaran kepada pembayar cukai individu, syarikat, ejen cukai, majikan dan bakal pembayar cukai terhadap undang-undang percukaian. Di samping itu, ia juga bertujuan mendidik pembayar cukai tentang hak dan tanggungjawab mereka serta meningkatkan pematuhan cukai secara sukarela.


Taklimat, Bengkel dan Ceramah Percukaian

Di bawah Sistem Taksir Sendiri (STS), pembayar cukai akan mengira sendiri tanggungan cukai mereka. Bagi meminimumkan kesilapan yang dibuat, pendidikan disampaikan melalui taklimat, bengkel dan ceramah. Program ini diadakan secara percuma di semua cawangan LHDNM dan premis pembayar cukai oleh pegawai-pegawai LHDNM yang berpengalaman. Selain taklimat STS/e-Filing, LHDNM juga mengadakan taklimat berkenaan PCB dan taklimat Bajet kepada majikan dan orang



Khidmat Sokongan Peniaga

Bengkel Khidmat Sokongan Peniaga (KSP) menawarkan program khidmat nasihat kepada golongan peniaga kecil dan sederhana yang tidak diwakili oleh ejen cukai secara "one-to-one" atau melebihi 10 orang peserta setiap sesi. Peserta untuk bengkel KSP diperoleh daripada laporan Ops Mesra Hasil, audit luar, persatuan peniaga, dewan-dewan perniagaan, Pusat Giat MARA, agensi swasta serta pembayar cukai yang hadir ke kaunter setempat cawangan atau senarai majikan berdasarkan rekod PCB. Ia meliputi pendidikan berkaitan kaedah penyimpanan rekod perniagaan, penyediaan akaun ringkas perniagaan dan pengiraan serta pembayaran cukai.



PROGRAM PENDIDIKAN CUKAI

Pegawai Perhubungan Cukai (TRO)

Program pelantikan TRO di kalangan majikan, kerajaan, swasta dan persatuan yang mempunyai bilangan pekerja yang ramai berfungsi sebagai orang perantara/penghubung kepada pekerja-pekerja dalam menyalurkan maklumat, melaksanakan tugas sebagai pembayar cukai serta meningkatkan pemahaman cukai. TRO yang dilantik oleh ketua majikan adalah dari kalangan eksekutif sumber manusia, pegawai perhubungan awam atau pegawai latihan yang boleh dirujuk dengan mudah oleh pekerja lain. Sepanjang tahun 2012, seramai 625 orang Pegawai Perhubungan Cukai telah dilantik dan dilatih oleh LHDNM.

Seminar Percukaian

Seminar percukaian merupakan aktiviti tahunan yang dianjurkan bagi memberi informasi terkini berhubung perubahan undang-undang percukaian. Penyertaan adalah terbuka kepada pengamal percukaian, pemilik syarikat, badan profesional, majikan dan orang awam. Dalam tahun 2012, LHDNM telah mengadakan seminar percukaian kebangsaan di 40 lokasi terpilih di seluruh negara.

Program Lawatan ke LHDNM

Program lawatan ke Ibu Pejabat dan cawangan LHDNM oleh penuntut Institusi Pengajian Tinggi (IPT) dan agensi luar seluruh Malaysia merupakan aktiviti berterusan pendidikan cukai yang dikendalikan di sepanjang tahun. Pengisian program pendidikan cukai semasa lawatan ini adalah berbentuk ceramah pengenalan LHDNM serta kesedaran cukai, taklimat kerjaya di LHDNM dan lawatan ke kaunter-kaunter perkhidmatan. Aktiviti tambahan mengikut kesesuaian seperti kuiz Hasil juga digabungkan khusus untuk bakal-bakal pembayar cukai daripada IPT bagi memberi impak kepada informasi taklimat kesedaran cukai yang telah disampaikan.

Tele Info LHDNM

Perkhidmatan talian Tele Info LHDNM merupakan kemudahan tambahan kepada pembayar cukai mendapatkan maklumat percukaian. Nombor talian untuk perkhidmatan ini ialah 03-42893636 yang beroperasi 24 jam sehari. Lebih 600 maklumat cukai disediakan dalam dwi-bahasa (Bahasa Malaysia/Inggeris) dalam bentuk rakaman suara (audio). Pengguna juga boleh membuat pilihan untuk mendapatkan salinan maklumat yang diingini melalui kemudahan faks. Setiap panggilan akan dcaj pada kadar biasa manakala perkhidmatan faks disediakan secara percuma untuk pengguna faks di Malaysia sahaja.

PERKHIDMATAN TELE INFO		
Kategori	2012	2011
Panggilan Tele Info Diterima	137,267	90,800
Pemanggil Tahu Kod Info	20,937	11,103
Pemanggil Tidak Tahu Kod Info	98,734	71,993
Bilangan Pemanggil Memilih Info Melalui Faks (Tahu Kod Info)	258	291
Bilangan Pemanggil Memilih Senarai Kod Info Melalui Faks (Tidak Tahu Kod Info)	37,640	28,352

PROGRAM PENDIDIKAN CUKAI

Hebahan dan Publisiti Menerusi Media

Program hebahan dan publisiti menerusi media memainkan peranan yang penting dalam meningkatkan tahap pendidikan dan kesedaran cukai kepada orang awam. LHDNM sentiasa melaksanakan aktiviti-aktiviti pendidikan dan kesedaran cukai dan berjaya mendapatkan slot-slot rancangan televisyen, radio dan akhbar-akhbar tempatan secara percuma atau pada kadar bayaran yang paling minimum sepanjang tahun 2012

Peranan dan kerjasama yang dimainkan oleh media elektronik telah banyak membantu LHDNM mempromosi kempen penghantaran Borang Nyata Cukai Pendapatan, kempen menggalakkan penggunaan perkhidmatan elektronik LHDNM serta lain-lain info percukaian. Melalui aktiviti publisiti yang dijalankan secara tidak langsung ia dapat meningkatkan imej LHDNM.

Maklumat Percukaian Melalui Internet

LHDNM juga menyebarkan maklumat percukaian melalui portal rasmi www.hasil.gov.my. Perkhidmatan portal rasmi ini telah dipertingkatkan dengan pengenalan portal rasmi baharu yang dibangunkan secara *in-house*. Ia dilengkapi dengan ciri-ciri interaktif dan lebih mesra pengguna. LHDNM turut menambahbaik Sistem Aduan Internet bagi memudahkan pembayar cukai mengemukakan aduan. Untuk tahun 2012 sebanyak 14 perkhidmatan elektronik ditawarkan menerusi portal rasmi ini. Sebagai tambahan, LHDNM juga menggunakan laman *Facebook dan twitter* bagi tujuan memberi nilai tambah kepada perkhidmatan portal rasmi sedia ada disamping mendekati pembayar cukai melalui media sosial.

SALURAN PERKHIDMATAN	
Portal rasmi	15,997,617
Laman Sosial (FB & twitter)	6,996

Penerbitan LHDNM

Dalam tahun 2012, LHDNM menerbitkan 18 risalah percukaian dalam format yang lebih ringkas dan mudah. Risalah percukaian ini diedarkan kepada orang ramai melalui kaunter perkhidmatan di seluruh cawangan LHDNM. Selain itu, LHDNM juga menerbitkan Berita HASiL iaitu majalah rasmi LHDNM untuk edaran dalaman dan agensi luar. Ia dikeluarkan sebanyak tiga kali setahun dan memuatkan aktiviti-aktiviti sepanjang tahun. Berita HASiL ini juga boleh dicapai dan dimuat turun daripada portal rasmi LHDNM.


PERKHIDMATAN ELEKTRONIK

Sehingga kini, LHDNM telah melakukan pelbagai inovasi dalam sistem pentadbiran percukaian termasuk dalam penggunaan teknologi maklumat bagi memacu peningkatan mutu sistem penyampaian perkhidmatan sesuai dengan perkembangan dan pembangunan negara. Komitmen LHDNM dalam melakukan inovasi dan penambahbaikan melalui rangkaian perkhidmatan elektronik yang ditawarkan kepada pelanggan dan masyarakat dapat menjana peningkatan kutipan hasil, penjimatan kos operasi serta menyokong agenda Kerajaan Elektronik (e-Government). Perkhidmatan elektronik atas talian (ez-HASiL) seperti e-PCB dan e-Data PCB, e-Daftar, e-SPC dapat memudahkan majikan dan pembayar cukai dalam urusan dengan LHDNM di samping memberi impak positif kepada semua pihak dari segi penggunaan sumber, kos, masa, ruang kerja dan sebagainya.

e-Filing

Aplikasi e-Filing dibangunkan bagi memudahkan pembayar cukai mengemukakan Borang Nyata Cukai Pendapatan secara elektronik. Aplikasi ini dikawal selia oleh ciri-ciri keselamatan berlandaskan Prasarana Kekunci Awam (Public Key Infrastructure (PKI)). Mulai tahun 2012 penambahbaikan telah dibuat dengan memperkenalkan sistem e-Filing Organisasi (OeF) dengan membenarkan Pengarah Urusan dari sesebuah syarikat untuk mengemukakan borang e-C, e-R dan CP204 bagi syarikat berkenaan. Dengan pelaksanaan OeF, pengemukakan borang e-Filing syarikat boleh dibuat dengan menggunakan sijil digital syarikat.

LHDNM sentiasa mengemaskini dan melakukan penambahbaikan terhadap aplikasi e-Filing supaya pembayar cukai boleh menyelesaikan proses pengisian dan penghantaran borang dengan mudah, selamat, cepat dan tepat.



PERKHIDMATAN ELEKTRONIK

e-Filing Ejen Cukai

e-Filing Ejen Cukai merupakan aplikasi pengemukaan BNCP oleh ejen cukai bagi pihak pelanggan mereka secara elektronik. Ejen cukai perlu mendapatkan kebenaran bertulis daripada pelanggan dengan mengisi Borang Kuasa Pemfailan Penyata Secara Elektronik (CP55).



e-Bayaran

LHDNM menyediakan kemudahan untuk melakukan pembayaran cukai melalui internet dengan menggunakan perkhidmatan perbankan elektronik. Perkhidmatan ini boleh didapati melalui ejen penerima bayaran cukai yang dilantik iaitu CIMB Bank Berhad, Public Bank Berhad, Maybank Berhad, Alliance Bank Berhad, Hong Leong Bank Berhad, Citibank Berhad, RHB Bank Berhad, OCBC Bank Berhad dan Pos Malaysia Berhad. Kaedah pembayaran cukai secara elektronik yang telah dilaksanakan adalah pembayaran cukai pendapatan dan cukai keuntungan harta tanah, Potongan Cukai Bulanan untuk majikan, serta bayaran cukai melalui Financial Process Exchange (FPX).

STAMPS

STAMPS (Stamp Assessment and Payment System) merupakan satu sistem baharu yang dibangunkan sebagai penambahbaikan kepada Sistem Taksiran Pindah Milik Harta Tanah (STPH). STAMPS melibatkan pemodenan proses penyetakan surat cara dalam talian yang merupakan alternatif kepada kaedah penyetakan sedia ada di mana sijil setem dijana dan boleh dicetak oleh pengguna. Buat masa ini STAMPS digunakan untuk memproses surat cara pindah milik harta tanah dan akan diperluaskan kepada semua jenis surat cara pada masa akan datang.

Mulai 1 November 2012, LHDNM memperkenalkan kaedah e-bayaran bagi STAMPS dengan pilihan bayaran dalam talian secara FPX atau "internet banking" bagi pelanggan CIMB Bank. Jumlah duti setem yang telah dipungut melalui cara ini adalah RM231,941.50



PERKHIDMATAN ELEKTRONIK

Kalkulator PCB

Kalkulator PCB ialah sistem sokongan yang membantu pekerja dan majikan membuat pengiraan PCB. Kaedah ini dapat membantu pengiraan PCB dengan lebih tepat jika pekerja atau majikan menuntut potongan atau rebat cukai yang dibenarkan di bawah Akta Cukai Pendapatan 1967. Jika dibandingkan dengan kaedah pengiraan PCB secara manual, aplikasi ini adalah lebih mudah, menjimatkan masa serta amaun PCB adalah sama atau hampir sama dengan cukai sebenar.

SMS e-Hubung

Aplikasi ini merupakan kemudahan SMS berkelompok bagi semua jabatan dan agensi kerajaan yang diuruskan oleh Unit Pemodenan Tadbiran Dan Perancangan Pengurusan Malaysia (MAMPU). Sebagai permulaan, LHDNM terlibat dengan pemberian perkhidmatan *Information on Demand* (IOD) iaitu pembayar cukai boleh mendapatkan maklumat berkaitan alamat, nombor telefon dan nombor faks semua cawangan dan Pusat Khidmat Hasil dengan menghantar SMS ke nombor 15888.

Perkhidmatan SMS e-Hubung kini telah diperluaskan kepada perkhidmatan semakan amaun PCB yang telah dibayar kepada LHDNM. Bayaran sebanyak RM0.35 dikenakan bagi setiap SMS.

e-Daftar

e-Daftar merupakan satu lagi inovasi perkhidmatan elektronik LHDNM yang diperkenalkan dalam tahun 2009. Melalui aplikasi ini pembayar cukai individu dan syarikat boleh mendaftar fail cukai pendapatan mereka atas talian melalui internet. Dalam tahun 2012, sebanyak 60,772 dan 12,873 permohonan berjaya didaftarkan bagi pembayar cukai individu dan syarikat masing-masing. Manakala bagi fail majikan sebanyak 6,176 permohonan berjaya didaftarkan.

e-PCB

e-PCB adalah Sistem Potongan Cukai Berjadual (PCB) yang disediakan bagi membantu majikan untuk menyimpan maklumat pekerja dan mengemukakan data bayaran PCB secara dalam talian kepada LHDNM. Aplikasi ini dibangunkan khusus kepada majikan yang tidak mempunyai sistem penggajian berkomputer bagi mengira PCB dan menyemak maklumat PCB atau arahan tambahan potongan gaji (CP38) yang

dibayar. Aplikasi ini mula dimuat naik di portal rasmi LHDNM secara rasmi pada 15 Januari 2010 bagi majikan yang berdaftar dengan LHDNM.

Pengguna e-PCB boleh memilih sama ada membuat bayaran melalui internet (menggunakan perkhidmatan bank yang menjadi ahli FPX) atau di kaunter bayaran LHDNM. Sepanjang tahun 2012, seramai 16,527 majikan telah menggunakan aplikasi ini.

e-Data PCB

e-Data PCB pula merupakan Sistem Data PCB dibangunkan bagi membantu majikan yang mempunyai sistem penggajian berkomputer untuk menyemak format dan memuat naik fail teks CP39 dan seterusnya menghantar data PCB/CP38 secara dalam talian. Aplikasi ini membantu majikan menyemak data PCB pekerja supaya ia mengikut spesifikasi yang telah ditetapkan. Pengguna perlu mendaftar terlebih dahulu dengan LHDNM sebelum menggunakan aplikasi ini. Bayaran PCB/CP38 boleh dibuat melalui internet (menggunakan perkhidmatan bank yang menjadi ahli FPX) atau di kaunter bayaran LHDNM.

Seramai 16,346 majikan telah menggunakan e-Data PCB pada tahun 2012. Dalam usaha meningkatkan penggunaan aplikasi e-Data PCB dan e-PCB di kalangan majikan, program latihan secara praktikal (hands-on) disediakan dengan percuma di semua cawangan LHDNM.

e-SPC

e-SPC merupakan aplikasi untuk memohon surat penyelesaian cukai oleh majikan secara atas talian. Majikan perlu menggunakan sijil digital untuk mengakses dan menandatangani borang pemberitahuan pemberhentian kerja (Borang CP22A/CP22B) dan borang pemberitahuan pekerja yang akan meninggalkan negara (Borang CP21). Seramai 936 majikan telah menggunakan e-SPC sepanjang tahun 2012.

PERKHIDMATAN ELEKTRONIK

e-Kemaskini

e-Kemaskini dibangunkan bagi mengemaskini maklumat seperti nombor telefon, alamat surat-menyurat, alamat kediaman, alamat premis perniagaan (jika ada), alamat e-mel, pelepasan dan rebat. Aplikasi ini adalah satu kemudahan kepada pembayar cukai individu untuk merekod dan mengemaskini maklumat tersebut dari semasa ke semasa. Sepanjang tahun 2012 seramai 10,499 pengguna telah menggunakan aplikasi ini.

e-Lejar

Aplikasi e-Lejar merupakan kemudahan yang disediakan kepada pembayar cukai bagi menyemak butiran peribadi, transaksi lejar dan kedudukan terkini baki cukai. Kemudahan untuk mengakses e-Lejar hanya dibuka kepada pembayar cukai individu yang mempunyai nombor pengenalan e-Filing sahaja. Sepanjang tahun 2012 seramai 170,931 pengguna telah menggunakan aplikasi ini.

Praisi (prefill)

Prefill maklumat gaji pada e-Filing bagi memantapkan lagi sistem e-Filing seiring dengan perkembangan teknologi semasa, LHDNM berusaha untuk mendapatkan maklumat gaji pembayar cukai melalui majikan. Ia adalah untuk memudahkan pembayar cukai menggunakan e-Filing, di mana *prefill* telah dibuat pada borang e-Filing. Apabila pembayar cukai menggunakan e-Filing, maklumat tersebut boleh dipinda jika terdapat sebarang perubahan sebelum ditandatangani dan dihantar secara elektronik.




PEMBESARAN ASAS CUKAI

LHDNM turut berperanan membesarkan asas cukai negara bagi memastikan setiap pembayar cukai yang layak dikenakan cukai dimasukkan ke jaringan cukai. Untuk mencapai objektif ini, keutamaan turut ditumpukan kepada pelaksanaan Program Banci Bisnes dan pengesanan maklumat pembayar cukai daripada pelbagai sumber. Program Banci Bisnes dijalankan di premis perniagaan pembayar cukai dengan tujuan untuk meningkatkan kadar pematuhan, membesarkan asas cukai, serta mengumpul maklumat asas pembayar cukai. Khidmat nasihat percukaian juga diberikan kepada pembayar cukai mengenai penyimpanan rekod, undang-undang dan peraturan percukaian yang perlu dipatuhi serta pembelajaran berkaitan potongan cukai yang tepat.

Fokus lawatan adalah dilokasi berikut:

- a) Kawasan perniagaan baharu;
- b) Kawasan perniagaan lama yang belum pernah dilawati; dan
- c) Kawasan perniagaan berpotensi tinggi.

Dalam tahun 2012, LHDNM telah membuat lawatan ke atas 43,728 premis pembayar cukai berbanding dengan 37,924 dalam tahun 2011. Hasil daripada lawatan tersebut, LHDNM berjaya mendaftar 7,884 pembayar cukai baharu dan 277 kes telah dirujuk kepada pasukan audit luar untuk pemeriksaan lanjut.



HAK PEMBAYAR CUKAI

Hak Pembayar Cukai

Perundangan cukai memberikan hak kepada pembayar cukai mengemukakan bantahan dan rayuan terhadap sesuatu taksiran yang dibangkitkan dalam tempoh 30 hari dari tarikh notis taksiran dikeluarkan. Sekiranya pembayar cukai masih tidak berpuashati dengan keputusan LHDNM, mereka boleh mengemukakan rayuan kepada Pesuruhjaya Khas Cukai Pendapatan (PKCP) dengan mengisi Borang Q dan Ketua Pengarah Hasil Dalam Negeri akan mengemukakan kes tersebut kepada PKCP untuk membuat keputusan. Kedua-dua pihak boleh membuat rayuan ke Mahkamah Tinggi sekiranya tidak bersetuju dengan keputusan PKCP dan seterusnya ke Mahkamah Rayuan.

BANTAHAN RASMI						
Bantahan	Cukai Pendapatan				CKHT	
	Syarikat		Individu*			
	2012	2011	2012	2011	2012	2011
Dalam proses (b/h)**	12	20	6	4	1	0
Difailkan dalam tahun	120	67	19	25	8	4
Jumlah	132	87	25	29	9	4
Selesai	118	75	25	23	9	3
Dalam proses (h/h)***	13	12	1	6	0	1

*Termasuk badan amanah, pertubuhan dan perkongsian


**b/h: bawa hadapan daripada tahun sebelumnya

***h/h: hantar hadapan ke tahun berikutnya

RAYUAN KE PKCP, MAHKAMAH RAYUAN DAN MAHKAMAH PERSEKUTUAN								
Rayuan	PKCP		Mahkamah Tinggi		Mahkamah Rayuan		Mahkamah Persekutuan	
	2012	2011	2012	2011	2012	2011	2012	2011
Dalam proses (b/h)*	199	178	29	24	40	40	1	0
Difailkan dalam tahun	100	72	23	31	16	16	6	2
Jumlah	299	250	52	55	56	56	7	2
Selesai	63	51	20	25	28	15	2	1
Dalam proses (h/h)**	236	199	32	30	28	41	5	1

*b/h: bawa hadapan daripada tahun sebelumnya

**h/h: hantar hadapan ke tahun berikutnya



TANGGUNGJAWAB SOSIAL KORPORAT

Pada amnya LHDNM menjalankan aktiviti Tanggungjawab Sosial Korporat (CSR) berdasarkan dimensi berikut:

1. Komuniti
2. Pihak Berkepentingan (Stakeholders)
 - i) Dalaman
 - ii) Luaran
3. Alam Sekitar
4. Pendidikan

Komuniti

Program Ihya Ramadhan

Sumbangan Ikhlas daripada warga Hasil telah dibuat dan berjaya mengumpulkan wang tunai sejumlah RM22,222.00 bagi disumbangkan kepada dua buah Rumah Anak Yatim dan Miskin yang telah dikenal pasti memerlukan bantuan tersebut. Rumah anak yatim yang dikenal pasti adalah:

- a) Rumah Anak Yatim dan Miskin Nur Ikhlas, Kg Melayu Kundang, Rawang, Selangor sebanyak RM11,111.00
- b) Rumah Anak Yatim dan Miskin Taman Baiduri, Dengkil, Selangor sebanyak RM11,111.00

Pihak Berkepentingan (Stakeholders)

(a) Dalaman

Minggu Kesihatan Hasil (MKH) 2012 telah dijayakan bagi memberi kesedaran kepada warga Hasil LHDNM berhubung cara hidup sihat dan menjaga kesihatan. Pemeriksaan kesihatan percuma, ceramah kesihatan dan pameran kesihatan telah diadakan. Seramai 1,300 warga Hasil Lembah Klang telah mengunjung gerai dan pameran yang diadakan dan seramai 4,300 warga Hasil telah menghadiri enam ceramah kesihatan yang disediakan. MKH ini akan dijalankan pada setiap minggu pertama bulan Jun pada setiap tahun.

Disamping itu, Unit CSR, LHDNM juga telah melantik Skwad Sihat Hasil di semua cawangan LHDNM untuk menjalani aktiviti kesihatan dicawangan-cawangan supaya program kesihatan Hasil dapat dibuat secara menyeluruh dan tidak tertumpu di Ibu Pejabat LHDNM sahaja. Skwad sihat ini telah diberi pendedahan dan kursus cara hidup sihat dengan kerjasama Lembaga Promosi Kesihatan Malaysia.

(b) Luaran

CSR untuk pihak berkepentingan (stakeholders) luaran dijalankan bersekali dengan aktiviti teras LHDNM yang dipanggil ez-HASiL bagi kemudahan pembayar cukai:

1. e-Bayaran - kemudahan bayaran cukai pendapatan
2. e-DataPCB - membantu majikan semak format dan muat naik fail teks CP 39
3. e-Kemaskini - stamps permohonan penyeteman, kelulusan dan bayaran duti
4. STAMPS - Permohonan penyeteman, kelulusan dan bayaran duti
5. TAeF - e-Filing bagi ejen cukai berdaftar
6. KalkulatorPCB - Bantu Majikan dan pekerja mengira PCB
7. e-Daftar - Daftar sebagai pembayar cukai individu atau syarikat
8. e-Filing - Laporan pendapatan dan hantar Borang Nyata Cukai Pendapatan
9. e-PCB - Bantu majikan yang tidak menggunakan sistem penggajian berkomputer mengira PCB
10. e-Lejar - Semak kedudukan cukai
11. e-SPC - Majikan lapor pemberhentian pekerja untuk mendapatkan Surat Penyelesaian Cukai
12. e-DataPrais - Prais maklumat saran daripada majikan pada e-Filing
13. SMS - Sistem pesanan ringkas LHDNM
14. m-Filing - Menggunakan peranti elektronik untuk melapor dan menghantar Borang Nyata Cukai Pendapatan

PRESTASI KORPORAT

Alam Sekitar

Pada tahun 2012 LHDNM tidak menjalankan sebarang aktiviti langsung untuk CSR alam sekitar. Aktiviti langsung ini akan dijalankan pada tahun 2013.

Walau bagaimana pun LHDNM sentiasa menyokong aktiviti hijau dengan mengurangkan penggunaan kertas di pejabat dan kempen ez-HASiL kepada pembayar cukai untuk menyokong aktiviti hijau tersebut dengan menjalankan aktiviti berikut:

Pendidikan

Bengkel Subseksyen 44(6) ACP 1967

Bengkel ini dianjurkan khusus untuk:-

- a) Memberi pendedahan kepada pengendali Pertubuhan/Persatuan/Yayasan/ Pengetua Sekolah Bantuan Penuh Kerajaan berhubung potongan di bawah subseksyen 44(6), ACP 1967.
- b) Menerangkan dengan lebih terperinci bagaimana pihak Pertubuhan/Persatuan/ Yayasan/ Pengetua Sekolah Bantuan Penuh Kerajaan boleh memohon potongan derma di bawah subseksyen 44(6), ACP 1967.

Lawatan Sambil Belajar kepada Anak-Anak Yatim dan Miskin

Seperti tahun terdahulu di mana LHDNM telah membawa anak-anak yatim dan miskin Nur Ikhlas Kundang, Rawang, Selangor membuat lawatan sambil belajar ke lokasi berikut:

- Menara Petronas
- Petrosains
- Muzium Kuala Lumpur





PERHUBUNGAN ANTARABANGSA



PERJANJIAN PENGELAKAN PENCUKAIAN DUA KALI

LHDNM terus mengorak langkah dalam memperkukuhkan jalinan hubungan antarabangsa selaras dengan visi LHDNM untuk menjadi Pentadbir Cukai Terunggul. Pelbagai inisiatif diambil ke arah merealisasikan hasrat tersebut menerusi hubungan kerjasama strategik dan meningkatkan persefahaman dengan badan dan pertubuhan percukaian antarabangsa. Dengan perkembangan perdagangan Malaysia yang pesat di peringkat antarabangsa, Malaysia perlu seiring dalam menyediakan suasana percukaian yang menarik dan kompetitif untuk menarik pelabur-pelabur asing dari negara-negara luar menjalankan urusan perdagangan di Malaysia dan dengan Malaysia. Sehubungan itu, LHDNM melalui Jabatan Percukaian Antarabangsa telah secara aktif terlibat di pentas percukaian antarabangsa dalam memastikan Malaysia bersedia bagi sebarang perbincangan untuk menjalin hubungan baik di peringkat antarabangsa dan tidak ketinggalan jika dibandingkan dengan negara-negara lain di dunia.

Seiring dengan peningkatan peranan Malaysia di arena perdagangan antarabangsa, LHDNM bersama-sama dengan Perbendaharaan Malaysia sentiasa proaktif dalam

mewujudkan dan menguatkuasakan Perjanjian Pengelakan Pencukaian Dua Kali (PPPDK) dengan negara-negara lain terutama sekali dengan negara yang mempunyai kepentingan ekonomi dengan Malaysia. PPPDK merupakan perjanjian penting yang dimeterai antara kerajaan Malaysia dengan kerajaan negara pejanji bagi pengelakan pencukaian dua kali atas pendapatan yang sama. Ia juga berfungsi untuk menghalang pelarian cukai dan pencegahan pelarian fiskal mengenai cukai atas pendapatan. Bagi meneruskan kesinambungan serta menggalakkan kemasukan pelaburan asing ke Malaysia, PPPDK diharap dapat memberi jaminan kepada para pelabur asing berkaitan layanan cukai ke atas pendapatan dari Malaysia.

Sesebuah PPPDK mengenalpasti hak mencukai negara masing-masing terhadap pendapatan yang merentasi sempadan dan mengelakkan pencukaian dua kali ke atas pendapatan yang sama menerusi pemberian kredit atau pengecualian. Oleh itu, PPPDK merupakan instrumen penting dalam perdagangan antarabangsa kerana ia memberi jaminan dan kepastian dalam layanan percukaian. Selain itu, peruntukan berhubung

pertukaran maklumat yang terkandung dalam PPPDK diguna pakai oleh pentadbir cukai bagi tujuan pentadbiran percukaian dan membanteras pengelakan pencukaian

Sehingga 31 Disember 2012, Malaysia mempunyai 71 buah PPPDK yang berkuatkuasa. Dalam tahun 2012, PPPDK dengan negara India dan Hong Kong telah diwartakan. Malaysia turut memeterai PPPDK dengan Ukraine dan Denmark di samping proses rundingan dengan Lesotho yang masih berlangsung. Seterusnya, komitmen Malaysia dalam mematuhi **the Internationally Agreed Tax Standard** dizahirkan menerusi perjanjian pertukaran maklumat (Tax Information Exchange Agreement (TIEA)). Dalam tahun 2012, Malaysia telah menandatangani TIEA yang pertama dengan Bermuda. Di samping itu, protokol pertukaran maklumat dengan New Zealand juga telah ditandatangani.

LHDNM sentiasa meneruskan jalinan rangkaian kerja yang aktif dalam pelbagai pertubuhan percukaian antarabangsa seperti OECD, SGATAR, JICA, ATAIC, CATA, IBFD dan sebagainya. Sebagai antara negara yang aktif di dalam pertubuhan-pertubuhan tersebut, secara tidak langsung telah meningkatkan imej LHDNM khususnya dan Malaysia amnya serta dapat memperluaskan jaringan antarabangsa dengan pentadbir-pentadbir cukai dari seluruh negara.

AKRONIM	PENERANGAN
ATAIC	Association of Tax Authorities of Islamic Countries
CATA	Commonwealth Association of Tax Administrators
JICA	Japan International Cooperation Agency
OECD	Organisation for Economic Cooperation and Development
SGATAR	Study Group On Asian Tax Administration and Research
IBFD	International Bureau Of Fiscal Documentation



PEMBANGUNAN ORGANISASI



PEMBANGUNAN SUMBER MANUSIA

Dalam menjayakan aspirasi Ketua Pegawai Eksekutif (CEO), pendekatan pertama yang diambil adalah dengan menghubungkan Jabatan Sumber Manusia (JSM) dengan Perancangan Strategik LHDNM. Di antara matlamat utama yang ditekankan di dalam Perlaksanaan Pelan Strategik LHDNM berhubung dengan sumber manusia adalah melahirkan modal insan yang kompeten, profesional, berintegriti dan berdedikasi. Selaras dengan matlamat ini, JSM telah menggariskan empat (4) objektif utama yang mana dua (2) daripadanya adalah berkaitan dengan pembangunan kerjaya pegawai. Objektif tersebut adalah seperti berikut:

- I. Menjadi 'Strategic Business Partner' kepada aktiviti teras LHDNM;
- II. Merancang dan menguruskan pembangunan modal insan yang berkompeteren, berpengetahuan dan berdaya saing;
- III. Merancang dan menguruskan modal insan dengan cekap dan berkesan
- IV. Memberi perkhidmatan berkualiti dalam pengurusan dan pembangunan sumber manusia dengan melaksanakan penambahbaikan berterusan.


Dalam merealisasikan usaha ke arah memastikan kesinambungan perkhidmatan, JSM telah mengambil langkah membangunkan modul Sistem *Talent Management*. Terdapat 5 modul dalam sistem tersebut seperti:

- *HR Core Information Management/ HR Analytics*
- *Skills & Competency*
- *Learning & Development*
- *Career & Succession Planning*
- *Compensation & Benefits*

Dalam usaha ke arah memperkemaskan organisasi ke arah self-financing, LHDNM masih menghadapi jumlah perjawatan yang terhad. Tindakan pengagihan semula perjawatan (redeployment) masih dilaksanakan bagi membolehkan tumpuan perjawatan diberikan kepada bidang-bidang yang kritikal seperti Audit Cukai, Siasatan, Perisikan dan sebagainya.

Bidang	Pengisian
Pengurusan Tertinggi	33
Teknikal	6,383
Teknologi Maklumat	273
Perundangan	103
Perakaunan	291
Pentadbiran	3,575
Jumlah	10,658

PEMBANGUNAN ORGANISASI



PROGRAM LATIHAN DALAMAN

LHDNM turut mempunyai institusi latihan yang dikenali sebagai Akademi Percukaian Malaysia (APM) yang bertanggungjawab untuk merancang dan melaksanakan program latihan yang berkualiti kepada pegawai bagi mewujudkan sumber manusia yang lebih berpengetahuan, berprestasi tinggi, *multi-skilled*, berintegriti, kreatif dan inovatif. Skop latihan yang disediakan adalah meliputi bidang penyiasatan, pengurusan, amalan audit serta perhubungan awam.

Pelbagai program latihan dikendalikan oleh tenaga pengajar berkelayakan melalui pusat latihan seperti berikut:


- a) Pusat Latihan Akaun dan Audit
- b) Pusat Latihan Undang-Undang
- c) Pusat Latihan Siasatan
- d) Pusat Latihan Pengurusan
- e) Pusat Latihan Antarabangsa dan Pembelajaran Cukai
- f) Pusat Latihan dan Pembangunan ICT

Aset Bukan Semasa	1,337,305	1,233,845
Aset Semasa (Jumlah Perlu Dibayar Dalam Tempoh 12 bulan)	549,913	528,234
	<u>1,887,218</u>	<u>1,762,079</u>

6. WANG CAGARAN DAN PRABAYAR

	2012 RM	2011 RM
Cagaran Air	50,360	50,360
Cagaran Elektrik	726,950	826,950
Prabayar Premium Insuran Kesihatan	450,570	-
Prabayar Pelbagai	2,517,556	4,026
	3,745,436	881,336

7. BAYARAN PENDAHULUAN

	Emolumen RM	Kakitangan RM	Pelbagai RM	Jumlah
Baki pada1 Jan 2012	460	25,149	4,319,909	4,345,518
Pemberian Pendahuluan	6,803	338,725	6,385,364	6,730,892
	7,263	363,874	10,705,273	11,076,410
Tolak: Bayaran Balik Pendahuluan	7,263	297,704	10,659,558	10,964,525
Baki pada31 Dis 2012	-	66,170	45,715	111,885
Baki pada1 Jan 2011	13,473	2,483	17,105,788	17,121,744
Pemberian Pendahuluan	4,459	252,734	22,688,394	22,945,587
	17,932	255,217	39,794,182	40,067,331
Tolak: Bayaran Balik Pendahuluan	17,472	230,068	35,474,273	35,721,813
Baki pada 31 Dis 2011	460	25,149	4,319,909	4,345,518

8. PELBAGAI PENGHUTANG

	2012	2011
	RM	RM
Penghutang Kakitangan	3,324	18,739
Penghutang Perniagaan	450,247	23,531
Penghutang Pemberian*	198,348,960	-
	198,802,531	42,270

*Penghutang Pemberian adalah baki Pemberian Kerajaan Persekutuan 2012 yang diterima pada tahun 2013.

9. SIMPANAN TETAP DAN PELABURAN JANGKA PENDEK

	2012	2011
	RM	RM
Bank-Bank Berlesen	107,500,000	255,000,000

10. PELBAGAI PEMIUTANG

	2012	2011
	RM	RM
Bekalan dan Perkhidmatan	26,893,799	27,857,068
Faedah Pinjaman Berjangka Terakru	997,828	1,013,554
	27,891,627	28,870,622

11. PINJAMAN BERJANGKA

	2012 RM	2011 RM
Bayaran Balik Pinjaman Berjangka		
- Dalam Setahun	50,727,764	61,016,514
- 1 Hingga 5 Tahun	118,370,245	169,098,009
- Selepas 5 Tahun	-	-
	169,098,009	230,114,523
Tolak: Kos Perkhidmatan Ke Atas Pinjaman Berjangka	55,386,333	75,053,083
Nilai Semasa Pinjaman Berjangka	113,711,676	155,061,440

Pinjaman Berjangka Ditunjukkan Di Dalam:

	2012 RM	2011 RM
Liabiliti Semasa (Jumlah Pinjaman Berjangka Perlu Dibayar Dalam Tempoh 12 bulan)	34,099,764	41,349,764
Liabiliti Jangka Panjang	79,611,912	113,711,676
	113,711,676	155,061,440

LHDNM telah memperolehi pinjaman daripada Kumpulan WangPersaraan (Diperbadankan). Berikut adalah butiran pinjaman LHDNM dengan Kumpulan Wang Persaraan (Diperbadankan):

Tahun Pinjaman	Amaun Pinjaman RM	Bayaran Perkhidmatan % / Tahun	Tempoh Bayaran Balik Tahun	Bangunan / Tanah
2008	103,800,000	6 (Kadar Tetap)	8	Menara Hasil, Petaling Jaya, Selangor
2008	140,000,000	6.5 (Kadar Tetap)	8	Akademi Percukaian Malaysia Kuching
2007	45,000,000	6.5 (Kadar Tetap)	5	Menara Hasil, Kuching, Sarawak (selesai bayar Mei 2012)
2005	48,000,000	6.5 (Kadar Tetap)	8	Menara Hasil, Johor Bahru, Johor

12. DEPOSIT

	2012 RM	2011 RM
Deposit Khas	515,135	10,496,249
Wang Tahanan	133,374	602,216
Wang Cagaran	43,191	19,949
Deposit Pelbagai	70,349	11,533
	762,049	11,129,947

13. KUMPULAN WANG PEMBANGUNAN

Kumpulan Wang Pembangunan adalah terdiri daripada Pemberian Kerajaan Persekutuan yang diberi untuk membiayai projek-projek pembangunan.

	2012 RM	2011 RM
Baki Pada 1 Januari	891,567,326	790,855,458
Terimaan Tunai Daripada Kerajaan Persekutuan	33,271,000	18,998,491
Terimaan Bukan Tunai Daripada Kerajaan Persekutuan	29,179,540	101,684,542
	954,017,866	911,538,491
Tolak: Pemberian Pembangunan Dilunaskan		
Perbelanjaan Tunai	75,183,618	2,759,240
Susutnilai / Rosotnilai Hartanah, Loji dan Peralatan	22,175,126	17,211,925
	97,358,744	19,971,165
Baki Pada 31 Disember	856,659,122	891,567,326

14. KUMPULAN WANG AMANAH

Kumpulan Wang Amanah terdiri daripada Kumpulan Wang Amanah Akademi Percukaian Malaysia dan Kumpulan Wang Amanah Kursus-kursus Antarabangsa. Kumpulan Wang Amanah Akademi Percukaian Malaysia ditubuhkan bagi memperakakan segala pendapatan dan perbelanjaan berkaitan kebajikan peserta kursus, aktiviti latihan, penyelidikan dan penerbitan yang dijalankan oleh Akademi Percukaian Malaysia.

Kumpulan Wang Amanah Kursus-kursus Antarabangsa pula berfungsi bagi mengakaunkan segala pendapatan dan perbelanjaan yang berkaitan kursus-kursus antarabangsa yang dikendalikan oleh Akademi Percukaian Malaysia dengan kerjasama Unit Perancang Ekonomi, Jabatan Perdana Menteri di bawah Program Kerjasama Teknikal Malaysia.

14. KUMPULAN WANG AMANAH (SAMBUNGAN)

	2012			2011		
	Akademi Percukaian Malaysia RM	Kursus Antarabangsa RM	Jumlah RM	Akademi Percukaian Malaysia RM	Kursus Antarabangsa RM	Jumlah RM
<u>Pendapatan</u>						
Hasil Dari Kerajaan	-	-	-	-	305,800	305,800
Hasil Dari Sumber Dalaman	576,846	167,628	744,474	436,810	270,078	706,888
Untung/(Rugi) Pelupusan Hartanah, Loji dan Peralatan	-	-	-	(1)	-	(1)
	578,846	167,628	744,474	436,809	575,878	1,012,687
<u>Tolak: Perbelanjaan</u>						
Perbelanjaan Tunai	297,815	36,984	334,799	512,403	233,911	746,314
Susutnilai Hartanah, Loji dan Peralatan	135,460	-	135,460	76,141	-	76,141
	433,275	36,984	470,259	588,544	233,911	822,455
Lebihan / (Kurangan) Semasa	143,571	130,644	274,215	(151,735)	341,967	190,232
Lebihan / (Kurangan) Terkumpul dari Tahun Lepas	3,518,968	625	3,519,593	3,464,015	33,068	3,497,083
Pelarasan*	90,856	(90,856)	-	206,688	(374,410)	(167,722)
Lebihan / (Kurangan) Terkumpul Dibawa Ke Hadapan	3,753,395	40,413	3,793,808	3,518,968	625	3,519,593

* Pelarasan terdiri daripada perbelanjaan bagi kursus Antarabangsa yang dilakukan oleh Akademi Percukaian Malaysia

15. KUMPULAN WANG LAIN

	2012 RM	2011 RM
Kumpulan Wang Pelaburan	18,000,000	18,000,000
Kumpulan Wang Pinjaman Kenderaan	14,000,000	14,000,000
Kumpulan Wang Pinjaman Komputer	3,000,000	3,000,000
Kumpulan Wang Pinjaman Pengajian	1,000,000	1,000,000
	36,000,000	36,000,000

16. LEBIHAN TERKUMPUL

	2012 RM	2011 RM
Hasil	1,589,589,440	1,161,900,980
Pendapatan Operasi Lain	106,713	288,576
Perbelanjaan Operasi	(1,449,430,056)	(1,060,636,668)
Susutnilai/Rosotnilai Hartanah, Loji dan Peralatan	(15,805,936)	(15,616,351)
Lebihan/(Kurangan) Daripada Operasi	124,460,161	85,936,537
Kos Kewangan	(19,709,305)	(21,434,482)
Pendapatan Dari Pelaburan dan Pinjaman	9,026,324	8,561,551
Lebihan/(Kurangan) Pendapatan Tahun Semasa	113,777,180	73,063,606
Lebihan/(Kurangan) Terkumpul Dari Tahun Lepas	505,520,647	432,457,041
Lebihan/(Kurangan) Terkumpul Dibawa Ke Hadapan	619,297,827	505,520,647

17. HASIL

Hasil utama LHDNM adalah Geran yang diterima daripada Kerajaan Persekutuan atas perkhidmatannya sebagai ejen. Hasil terdiri daripada pendapatan dari sumber-sumber seperti berikut:

	2012 RM	2011 RM
Geran Kerajaan Persekutuan	1,587,256,692	1,160,013,100
Pemberian Pembangunan Dilunaskan	97,358,744	19,971,165
Pemberian Wang Amanah Dilunaskan	470,259	822,455
Sewaan	821,467	791,064
Terimaan Balik Bayaran Tahun-tahun Lalu	427,295	554,663
Denda dan Hukuman	643,603	258,201
Jualan Dokumen Bercetak	236,364	170,194
Pendapatan Lain	110,953	68,767
Keuntungan Skim Perlindungan Insuran Syarikat Takaful	63,820	44,947
Perkhidmatan dan Bayaran Perkhidmatan	29,246	44
	1,687,418,443	1,182,694,600

18. PENDAPATAN OPERASI LAIN

Pendapatan operasi lain terdiri daripada:

	2012 RM	2011 RM
Jualan Barang-Barang Stor	5,301	2,983
Untung/(Rugi) Pelupusan Hartanah, Loji dan Peralatan	71,681	83,087
Terimaan Bukan Tunai (Dalam Bentuk Aset)	29,731	202,506
	106,713	288,576

19. KOS KAKITANGAN

Kos kakitangan terdiri daripada:

	2012	2011
	RM	RM
Gaji dan Upahan	660,916,140	477,768,854
Elaun Tetap	60,330,184	50,132,834
Sumbangan Berkanun Untuk Kakitangan	150,739,797	112,873,118
Elaun Lebih Masa	7,364,561	5,860,147
Faedah-Faedah Kewangan Yang Lain	181,897,700	150,726,153
	1,061,248,382	797,361,106

20. PERBELANJAAN OPERASI LAIN

	2012	2011
	RM	RM
Perbelanjaan dan Sara Hidup	25,135,674	16,328,936
Pengangkutan Barang-barang	1,127,030	1,826,003
Perhubungan dan Utiliti	50,526,231	35,705,007
Sewaan	64,798,343	57,861,566
Bekalan Bahan Mentah dan Bahan Untuk Penyenggaraan	1,529,878	1,357,299
Bekalan dan Bahan-bahan Lain	14,275,510	10,810,431
Penyelenggaraan dan Pembaikan Kecil	22,656,132	13,938,894
Perkhidmatan Iktisas dan Hospitaliti	167,488,510	92,576,522
Yuran Audit	70,040	80,000
Perkhidmatan Klinik dan Perubatan	18,056,386	15,206,205
Pemberian dan Kenaan Bayaran Tetap	4,657,516	5,206,090
Bayaran-bayaran Lain	17,860,424	12,378,609
Perbelanjaan Tunai Kumpulan Wang Pembangunan dan Amanah	75,518,417	3,505,554
	463,700,091	266,781,116

21. TERIMAAN PEMBERIAN KERAJAAN PERSEKUTUAN DAN PENDAPATAN LAIN

	2012	2011
	RM	RM
Jumlah Hasil (Nota 17)	1,687,418,443	1,182,694,600
Pendapatan Operasi Lain (Nota 18)	106,713	288,576
Pemberian Pembangunan Dilunaskan	(97,358,744)	(19,971,165)
Pemberian Kumpulan Wang Amanah Dilunaskan	(470,259)	(822,455)
Pemberian Dalam Bentuk Bukan Tunai	(29,731)	(202,506)
Pelupusan Hartanah, Loji dan Peralatan	(67,616)	(75,851)
Penghutang Perniagaan	(426,716)	211,663
Penghutang Pemberian	(198,348,960)	66,000,000
	<u>1,390,823,130</u>	<u>1,228,122,862</u>

22. BAYARAN KEPADA PEMBEKAL DAN KAKITANGAN

	2012	2011
	RM	RM
Kos Kakitangan (Nota 19)	1,061,248,382	797,361,106
Perbelanjaan Operasi Lain	463,643,651	266,714,716
Perbelanjaan Tunai Bagi Kumpulan Wang Pembangunan dan Amanah	(75,518,417)	(3,505,554)
Pelbagai Pemiutang	5,310,887	19,203,389
Deposit	10,367,898	(4,337,359)
Wang Cagaran dan Prabayar	2,864,100	(6,498,573)
Bayaran Pendahuluan	(4,233,633)	(12,776,226)
Penghutang Kakitangan	(15,415)	11,860
Peruntukan Hapuskira	-	22,494
Perbelanjaan Bukan Tunai	-	167,722
Pembayaran Yuran Audit	66,400	66,400
	<u>1,463,733,853</u>	<u>1,056,429,975</u>

23. PENGLIBATAN MODAL

	2012	2011
	RM	RM
Dilulus dan Dikontrakkan	<u>329,780,762</u>	<u>389,278,694</u>

24. INSTRUMEN KEWANGAN

24.1. Risiko Kadar Faedah

Risiko kadar faedah di mana instrumen kewangan akan berubah akibat daripada perubahan kadar faedah di pasaran dan kadar faedah efektif berdasarkan kedudukan aset kewangan dan liabiliti kewangan seperti berikut:

	Jumlah Nilai Bawaan	Dalam Setahun	1 Hingga 5 Tahun	Selepas 5 Tahun	Kadar Faedah Efektif
	RM'000	RM'000	RM'000	RM'000	%
2012					
Aset Kewangan					
Pinjaman Kepada Kakitangan	1,887	550	1,337	-	4.0
Simpanan Tetap dan Pelaburan Jangka Pendek	107,500	107,500	-	-	3.1 - 3.8
Tunai Di Bank dan Di Tangan	16,557	16,557	-	-	-
Liabiliti Kewangan					
Pinjaman Berjangka	113,712	34,100	79,612	-	6.0 - 7.0
2011					
Aset Kewangan					
Pinjaman Kepada Kakitangan	1,762	528	1,234	-	4.0
Simpanan Tetap dan Pelaburan Jangka Pendek	255,000	255,000	-	-	3.3 - 3.7
Tunai Di Bank dan Di Tangan	7,751	7,751	-	-	-
Liabiliti Kewangan					
Pinjaman Berjangka	155,061	41,350	113,711	-	6.0 - 7.0

24. INSTRUMEN KEWANGAN (SAMBUNGAN)

24.2. Risiko Kredit

Risiko kredit maksimum berkaitan dengan aset kewangan yang dikenal pasti adalah nilai bawaan yang dinyatakan di dalam Lembaran Imbangan. LHDNM tidak mempunyai penumpuan khas terhadap risiko kredit dengan mana-mana pihak.

24.3. Nilai Saksama

Nilai bawaan bagi semua aset kewangan dan liabiliti kewangan LHDNM pada tarikh Lembaran Imbangan adalah dianggarkan pada nilai saksama.

25. KEDUDUKAN KUMPULAN WANG PINJAMAN

	Kenderaan RM	Komputer RM	Pengajian RM	Jumlah RM
Had Pembiayaan Yang Diluluskan	14,000,000	3,000,000	1,000,000	36,000,000
Baki pada 1 Jan 2012	13,505,203	2,218,057	424,073	16,147,333
Tolak:				
Pemberian Pinjaman Kepada Kakitangan	172,200	432,300	109,941	714,441
	13,333,003	1,785,757	314,132	15,432,892
Campur:				
Bayaran Balik Pinjaman Oleh Kakitangan	178,093	408,005	6,816	592,914
Baki pada 31 Dis 2012	13,511,096	2,193,762	320,948	16,025,806
Baki pada 1 Jan 2011	13,521,698	2,339,307	604,051	16,465,056
Tolak:				
Pemberian Pinjaman Kepada Kakitangan	197,804	503,912	323,672	1,025,388
	13,323,894	1,835,395	280,379	15,439,668
Campur:				
Bayaran Balik Pinjaman Oleh Kakitangan	181,309	382,662	143,694	707,665
Baki pada 31 Dis 2011	13,505,203	2,218,057	424,073	16,147,333

26. CUKAI PENDAPATAN

LHDNM dikecualikan dari cukai pendapatan menurut seksyen 127(3)(b) Akta Cukai Pendapatan 1967 bagi tempoh mulai tahun taksiran 1997 sehingga ke tahun-tahun taksiran berikutnya. Pengecualian cukai ini tidak meliputi pendapatan dividen.

27. ANGKA-ANGKA PERBANDINGAN

Angka-angka perbandingan tertentu telah disusun semula untuk disesuaikan dengan persembahan akaun bagi tahun semasa.

28. MAKLUMAT AM

Bilangan kakitangan bagi LHDNM pada akhir tahun kewangan adalah seramai 10,658 orang (2011: 10,165 orang).







PRESTASI KEWANGAN







PRESTASI KEWANGAN BAGI TEMPOH 5 TAHUN (2008-2012)

PERANGKAAAN KEWANGAN YANG PENTING	2012	2011	2010	2009	2008
	Semua Dalam RM Juta				
Pendapatan	1,696.55	1,191.54	1,196.31	1,270.78	1,071.23
Perbelanjaan	1,582.77	1,118.48	1,009.64	1,211.83	1,061.02
Lebihan Pendapatan	113.78	73.06	186.67	58.95	10.22
Lebihan Terkumpul	619.30	505.52	432.46	245.79	186.84
Aset Bukan Semasa	1,405.07	1,436.50	1,293.97	955.54	816.23
Aset Semasa	327.38	269.50	299.91	288.40	324.19
Liabiliti Semasa	62.82	81.43	101.75	170.31	220.95
Liabiliti Jangka Panjang	79.61	113.71	155.06	201.66	184.88



Sumber pendapatan LHDNM yang terbesar adalah merupakan pemberian daripada Kerajaan Persekutuan. Bagi tahun 2012, ia merangkumi sebanyak 89.71% atau RM1,522.05 juta daripada pendapatan LHDNM secara keseluruhan.

Komponen yang terkandung di dalam perbelanjaan adalah meliputi kos kakitangan, perbelanjaan bukan kewangan (susutnilai) dan perbelanjaan operasi lain.



Aset Bukan Semasa meliputi Hartanah, Loji dan Peralatan, Kerja Dalam Kemajuan dan Pinjaman Kepada Kakitangan.

Liabiliti jangka panjang merupakan pinjaman yang dibuat dengan Kumpulan Wang Persaraan (Diperbadankan) bagi membiayai pembelian beberapa bangunan pejabat Cawangan LHDNM.

LAPORAN PRESTASI KEWANGAN LHDNM BAGI TAHUN 2012


Prestasi Pemberian Kerajaan Bagi Perbelanjaan Mengurus Tahun 2012

Pada tahun 2012, LHDNM telah menerima sebanyak RM1,522,051,800 daripada Kerajaan Persekutuan bagi perbelanjaan mengurus iaitu peningkatan sebanyak 35% berbanding RM1,123,433,100 pada tahun 2011.

Perbelanjaan LHDNM telah meningkat sebanyak 31% bagi Tahun 2012 berbanding Tahun 2011. Peningkatan kepada perbelanjaan ini adalah disebabkan oleh peningkatan kos kakitangan, kos penyenggaraan bangunan pejabat baru LHDNM seperti Menara Hasil Cyberjaya, Cawangan Petaling Jaya, Cawangan Sungai Petani dan Akademi Percukaian Malaysia (APM) Kuching. Selain daripada itu, pembukaan Pusat Khidmat Hasil di beberapa buah daerah seluruh Malaysia bagi meningkatkan mutu sistem penyampaian kepada pelanggan serta peningkatan dalam operasi pengesanan Pembayar Cukai dan kutipan cukai juga turut menyumbang kepada kenaikan kos perbelanjaan mengurus LHDNM dalam tahun 2012. Walau bagaimanapun, peningkatan kos ini dijangka dapat meningkatkan kualiti dalam sistem penyampaian LHDNM serta meningkatkan hasil cukai.

Sepanjang tahun 2012, LHDNM tidak membuat sebarang pinjaman atau pembiayaan daripada mana-mana pihak bagi menampung perbelanjaan mengurus LHDNM. Walau bagaimanapun, masih terdapat tiga baki pinjaman yang diperolehi daripada Kumpulan Wang Persaraan (Diperbadankan) yang digunakan bagi perolehan bangunan pejabat di Cawangan Petaling Jaya dan Johor Bharu serta pembinaan APM Kuching. Jumlah baki pinjaman yang dibayar sepanjang tahun 2012 ialah berjumlah RM41,349,764. Sehingga 31 Disember 2012, baki pinjaman adalah sebanyak RM 113,711,676 iaitu RM 34,099,764 liabiliti semasa dan RM79,611,912 liabiliti jangka panjang dan dijangka diselesaikan sepenuhnya pada tahun 2016.

PRESTASI PERBELANJAAN BERBANDING PERUNTUKAN BAGI TAHUN 2012 DAN 2011



Peruntukan termasuk pemberian perbelanjaan mengurus daripada Kerajaan Persekutuan dan hasil sumber dalaman, manakala perbelanjaan di atas termasuk perbelanjaan daripada kedua-dua sumber tetapi tidak termasuk perbelanjaan susutnilai.

Prestasi Perbelanjaan Mengikut Program dan Aktiviti

Peruntukan LHDNM diagihkan mengikut 6 program utama yang mengandungi 8 aktiviti. Program Perkhidmatan Percukaian, Pematuhan, Dasar, Operasi Percukaian dan Pengurusan terdiri daripada aktiviti di peringkat Ibu Pejabat manakala Program Negeri meliputi aktiviti di peringkat cawangan di seluruh Malaysia. Statistik perbelanjaan mengikut program adalah seperti di bawah.

PERBELANJAAN MENGIKUT PROGRAM BAGI TAHUN 2012 DAN TAHUN 2011		
PROGRAM	TAHUN 2012 (RM)	TAHUN 2011 (RM)
PERKHIDMATAN PERCUKAIAN	75,846,079	57,042,551
PEMATUHAN	67,114,347	55,330,776
DASAR	29,147,401	20,839,168
OPERASI PERCUKAIAN	175,226,200	135,045,799
PENGURUSAN	142,417,655	102,057,952
NEGERI	924,697,602	706,000,688
JUMLAH	1,414,449,284	1,076,316,934

Perbelanjaan di atas meliputi perbelanjaan Mengurus dan Sumber Dalaman tetapi tidak termasuk perbelanjaan susutnilai.

Program Perkhidmatan Percukaian

Perbelanjaan di bawah program Perkhidmatan Percukaian adalah merangkumi semua perbelanjaan termasuklah bayaran emolumen, bayaran bekalan dan perkhidmatan dan lain-lain perbelanjaan bagi aktiviti-aktiviti seperti penyelidikan, auditan dalaman, inspektorat, pengurusan risiko, cukai petroleum, rayuan cukai, perisikan dan siasatan khas serta pengurusan kewangan. Sepanjang tahun 2012 pelbagai aktiviti telah dijalankan di bawah program ini terutamanya berkaitan meningkatkan kesedaran ke atas pembayar cukai seperti pengiklanan, pendidikan cukai, CSR dan sebagainya. Selain itu juga, LHDNM telah mengambil inisiatif mewujudkan aktiviti Pengurusan Risiko bagi membolehkan tindakan awal diambil bagi mengurangkan risiko yang mungkin wujud di LHDNM.

Program Pematuhan

Perbelanjaan di bawah program Pematuhan adalah merangkumi semua perbelanjaan aktiviti-aktiviti seperti penggubalan dasar berkaitan pengauditan cukai, siasatan, pengauditan cukai korporat dan cukai bagi syarikat multinasional. Antara aktiviti yang dijalankan pada tahun 2012 ialah merangka Ops Mesra Hasil yang lebih tersusun di peringkat Nasional, Negeri dan Cawangan yang bertujuan membesarkan asas cukai dan memberi kesedaran kepada Pembayar Cukai. Selain itu juga, aktiviti siasatan juga yang melibatkan pemantauan bagi pelaksanaan dan pematuhan polisi, undang-undang serta dasar yang telah ditetapkan oleh kerajaan selain melaksanakan penyiasatan bagi kesalahan-kesalahan berkaitan percukaian.

Program Dasar

Program ini meliputi penggubalan dasar di peringkat LHDNM serta garis panduan yang dapat digunakan bagi membantu operasi percukaian secara keseluruhan. Program ini turut merangkumi fungsi undang-undang seperti pengendalian kes-kes mahkamah dan bertindak sebagai penasihat undang-undang kepada LHDNM.

Program Operasi Percukaian

Perbelanjaan di bawah program Operasi Percukaian selain kos emolumen juga termasuk perbelanjaan pemprosesan borang cukai, pengurusan dokumen kepada pembayar cukai, pembangunan sistem percukaian dan penyeliaan KPI. Selain itu, ia juga meliputi perbelanjaan penyelenggaraan sistem percukaian, pangkalan data, perbelanjaan ICT seperti bayaran sistem rangkaian, penyelenggaraan *Disaster Recovery Centre*, bayaran lesen perisian sistem komputer dan sebagainya. Peningkatan perbelanjaan pada tahun 2012 sebanyak 30% berbanding tahun 2011 bertujuan bagi meningkatkan kecekapan LHDNM terutamanya dalam sistem penyampaian kepada pelanggan LHDNM.

Program Pengurusan

Program Pengurusan terdiri daripada aktiviti yang melibatkan pembangunan organisasi, pengurusan sumber manusia, pengendalian kursus dan latihan, serta pengurusan aset termasuk bangunan pejabat di LHDNM. Pada Tahun 2012, perbelanjaan di bawah program ini telah meningkat 40% berbanding Tahun 2011 berikutan pembukaan APM Kuching yang meningkatkan kos operasi di pusat latihan seperti perkhidmatan makanan, penyelenggaraan asrama, keselamatan dan sebagainya. Walau bagaimanapun, perbelanjaan ini lebih merupakan satu pelaburan jangka panjang LHDNM di mana dijangka dapat melahirkan lebih ramai pegawai yang berkemahiran seterusnya membantu dalam kecemerlangan organisasi ini.

Program Negeri

Program Negeri merupakan program yang menyumbang kepada perbelanjaan terbesar di LHDNM iaitu 65% daripada jumlah keseluruhan perbelanjaan. Aktiviti di bawah program Negeri adalah seperti Audit Cukai, Pungutan, Duti Setem, Khidmat Pelanggan dan Pengesanan. Perbelanjaan di bawah program Negeri telah menunjukkan peningkatan dalam tahun 2012 sebanyak 31% berbanding tahun 2011. Antara faktor peningkatan perbelanjaan adalah disebabkan peningkatan dalam aktiviti audit terutamanya melibatkan lawatan-lawatan ke premis Pembayar Cukai, aktiviti pengesanan antaranya melalui Ops Mesra Hasil yang diadakan secara tersusun di peringkat Negeri dan Cawangan serta pembukaan beberapa Pusat Khidmat Hasil di beberapa daerah iaitu Langkawi, Cyberjaya, Pontian, Jasin, Besut dan Kulim. Peningkatan dalam perbelanjaan ini sejajar dengan peningkatan dalam kutipan hasil cukai dalam tahun 2012.

Prestasi Perbelanjaan Pembangunan Tahun 2012

Dalam Rancangan Malaysia KeSepuluh (RMKe-10), Kerajaan Persekutuan telah meluluskan siling peruntukan *Rolling Plan 2* (2012-2013) berjumlah RM91,435,000 bagi pelaksanaan projek-projek pembangunan LHDNM. Butiran adalah seperti Jadual di bawah:

PRESTASI PROJEK PEMBANGUNAN RMKe -10 (RP2 2012-2013)				
Butiran	Siling Peruntukan RMKe-10 RP2 (2012-2013) (RM)	Peruntukan Tahun 2012 (RM)	Perbelanjaan Tahun 2012 (RM)	% Prestasi Perbelanjaan (RM)
PENGGOMPUTERAN	30,450,000	30,450,000	20,049,706	65.8
BANGUNAN	44,200,000	25,230,000	14,855,503	58.9
SRI	16,785,000	785,000	-	-
JUMLAH	91,435,000	56,465,000	34,905,209	61.8

Projek Pengkomputeran adalah bagi membolehkan LHDNM mewujudkan satu sistem pengurusan percukaian yang cekap dan efisien kepada pembayar cukai yang seterusnya akan memberi impak positif kepada peningkatan kutipan hasil cukai. Antara projek pengkomputeran yang dilaksanakan di LHDNM ialah pembangunan sistem e-Perkhidmatan yang berkaitan dengan mempermudah urusan percukaian, sistem penilaian dan pembayaran setem bagi urusan duti setem serta lain-lain sistem yang membantu LHDNM dalam melaksanakan tugas-tugas pengesanan, gudang data pembayar cukai serta sistem lain yang berkaitan.

Sementara itu, Projek Bangunan pula adalah bagi penyediaan bangunan pejabat LHDNM di Cawangan Melaka dan Teluk Intan serta pembinaan bangunan Pusat Pemprosesan, Pengeluaran, Gudang dan Stor di Bangi. Kesemua projek yang dilaksanakan ini adalah bagi memberi keselesaan kepada pembayar cukai yang berurusan di bangunan LHDNM serta membolehkan LHDNM menyediakan ruang kerja yang kondusif kepada pegawai-pegawai LHDNM.

LHDNM juga diluluskan peruntukan bagi Projek *Strategic Reform Initiatives* (SRI) yang merupakan salah satu strategi dan inisiatif yang dicadangkan oleh PEMANDU bagi membesarkan asas cukai dan mencari sumber cukai baru bagi menambah hasil Negara.

Selain daripada projek pembangunan RMKe-10 di atas, LHDNM juga diluluskan dua Projek Bangunan di bawah Inisiatif Pembiayaan Swasta (PFI) iaitu projek Pembinaan Bangunan Ibu Pejabat LHDNM di Cyberjaya dan projek Pembinaan Bangunan Cawangan Sungai Petani. Jumlah kos projek yang diluluskan bagi Projek Bangunan PFI LHDNM adalah sebanyak RM366,520,000 dan sebanyak RM55,235,500 telah diluluskan sebagai peruntukan tahun 2012. Objektif pembinaan bangunan pejabat ialah bagi membolehkan LHDNM menyediakan kemudahan yang lebih selesa kepada pembayar cukai dan pegawai LHDNM. Kedua-dua projek ini telah disiapkan dan telah diserahkan kepada LHDNM. Baki peruntukan yang ada ialah bagi pembayaran terakhir projek selepas tamatnya tempoh tanggungan kecacatan atau *Defect Liability Period (DLP)*.

PRESTASI PROJEK PFI					
Bil	Nama Projek	Kos Projek (RM)	Belanja (RM)	Baki (RM)	%
1	Pembinaan Bangunan LHDNM Cawangan Sungai Petani, Kedah	59,000,000	49,639,057	9,360,943	84.1
2	Pembinaan Bangunan Ibu Pejabat LHDNM di Cyberjaya, Selangor	307,520,000	273,238,686	34,281,314	88.9
JUMLAH		366,520,000	322,877,743	43,642,257	88.09

Prestasi Pemberian Khas bagi program Bantuan Rakyat Satu Malaysia (BR1M) dan Strategic Reform Initiative (SRI)

Bantuan Rakyat 1Malaysia (BR1M)

LHDNM telah dilantik sebagai salah satu agensi pelaksana bagi program Bantuan Rakyat 1Malaysia (BR1M) melalui pembentangan Belanjawan Tahun 2012. Fungsi LHDNM bagi pelaksanaan BR1M ini ialah menguruskan pendaftaran pemohon berdasarkan kelayakan yang ditetapkan kepada semua warga negara di seluruh Malaysia. Bagi melaksanakan fungsi baru ini, kerajaan telah memberikan peruntukan khas kepada LHDNM sebanyak RM53,331,322 bagi menampung perbelanjaan kos kakitangan sambilan, kos pengangkutan dan penginapan, kos percetakan, pembelian komputer serta kos pembelian alat tulis. Sehingga 31 Disember 2012 sebanyak 86% daripada peruntukan yang diterima telah dibelanjakan dan bakinya adalah berkaitan komitmen yang perlu dibayar pada tahun berikutnya.

Selaras dengan kejayaan mencapai objektif dan sasaran yang ditetapkan, Kerajaan telah bersetuju untuk menyambung projek BR1M ini pada tahun 2013 yang dinamakan BR1M 2.0. Bagi membolehkan urusan dibuat lebih awal, Kerajaan telah bersetuju menyalurkan sebanyak RM25,000,000 bagi menguruskan pendaftaran permohonan BR1M Tahun 2013 yang telah diperluas kepada individu bujang mengikut kelayakan berbanding BR1M tahun 2012.

Strategic Reform Initiative (SRI)

Sebagai salah satu agenda di bawah Pembaharuan Kewangan Awam (*Public Finance Reform*) oleh kerajaan, LHDNM telah diberi mandat untuk melaksanakan inisiatif SRI membesarkan asas cukai dan mencari sumber cukai baru bagi menambah hasil Negara.

LHDNM telah menerima peruntukan sebanyak RM23,453,570 pada tahun 2012 daripada kerajaan bagi membiayai aktiviti tersebut bagi tahun 2012 dan 2013. Sehingga 31 Disember 2012, sebanyak 38% yang telah dibelanjakan dan dijangka peruntukan yang diberi ini akan dibelanjakan keseluruhannya pada tahun 2013.

Perbelanjaan yang dilakukan ini merangkumi perbelanjaan pembayaran pegawai kontrak dan sambilan yang melaksanakan tugas berkaitan, pembangunan sistem e-SMUP (Sistem Maklumat Unit Pengesanan) dan e-CRMS (*Customer Relation Management*), pembelian data syarikat dan perniagaan daripada Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM) yang membolehkan LHDNM mempunyai data berkenaan syarikat dan perniagaan di Malaysia.

Pencapaian Keseluruhan

Secara keseluruhannya, pengurusan kewangan LHDNM dilaksanakan dengan berhemah, telus dan *value for money*. Semua perbelanjaan yang dibuat adalah membolehkan ianya memberi impak positif kepada fungsi utama LHDNM iaitu mengutip hasil cukai bagi pendapatan Negara. Ini terbukti dengan peningkatan kutipan cukai sebanyak RM124.892 bilion iaitu peningkatan sebanyak RM15.28 bilion berbanding tahun 2011. Selain itu juga, peningkatan kos sebanyak 31% juga selaras dengan pencapaian melebihi sasaran LHDNM dalam semua petunjuk prestasi utama (KPI) yang ditetapkan seperti kutipan hasil, pembesaran asas cukai, auditan Pembayar Cukai, penyelesaian kes-kes siasatan, mengurangkan tunggakan hasil dan lain-lain KPI yang telah ditetapkan kepada LHDNM.



LAMPIRAN



**HASIL KERAJAAN PERSEKUTUAN, CUKAI LANGSUNG DAN UNJURAN
DISEMAK KERAJAAN**

Petunjuk	2012	2011	2010
Hasil Kerajaan Persekutuan Kutipan Bersih (RM Bilion)	207.913	185.419	162.13
Kutipan Kasar	124.892	109.609	86.499
Kutipan Bersih	117.892	102.609	79.109
Unjuran Disemak Kerajaan (RM Bilion)	116.825	96.457	76.16

PUNGUTAN CUKAI MENGIKUT KATEGORI

	2012 (RM Juta)	2011 (RM Juta)	2010 (RM Juta)
Syarikat	59,306.09	55,081.05	43,797.13
Petroleum	33,933.74	27,747.79	18,713.27
Individu	22,961.85	19,383.02	17,802.69
Koperasi	344.82	356.98	377.59
Duti Setem	5,598.23	4,939.69	4,200.35
Cukai Pegangan	2,097.07	1,525.10	1,268.37
CKHT	607.99	537.60	302.68
IOFC	18.09	16.96	15.14
Lain - lain*	24.07	21.67	22.52
JUMLAH	124,891.95	109,609.86	86,499.47

* Lain- lain merangkumi bayaran Seksyen 124 ACP 1967, bayaran mahkamah, faedah bank, hasil guaman, pendaftaran perniagaan dan bayaran perkhidmatan Seksyen 138B ACP 1967.

AUDIT CUKAI

	2012	2011	2010
Bilangan Kes Selesai	1,935,078	1,910,913	1,741,113
Cukai dan Penalti (RM juta)	3,290.28	2,672.78	2,870.62

PENYIASATAN

Bahagian	2012	2011	2010
Siasatan Sivill	764	961	763
Cukai dan Penalti (RM juta)	695.7	811.5	1,168.55

DUTI SETEM

PEMINDAHHAKAN, PENYERAHAN, PEMINDAHAN

Surat Cara	Duti Dikenakan
Pemindahan Harta	Bagi setiap RM100 atau sebahagian daripada RM100 bagi amaun nilai wang balasan atau nilai pasaran harta berkenaan yang mana lebih tinggi; <ul style="list-style-type: none"> • RM1 pada RM100,000 • RM2 pada mana-mana amaun melebihi RM100,000 tetapi tidak melebihi RM500,000 • RM3 pada mana-mana amaun yang melebihi RM500,000
Stok, syer atau sekuriti boleh dipasarkan, dikira atas harga atau nilai pada tarikh pemindahan, yang mana lebih tinggi	RM3 bagi setiap RM1,000 atau sebahagian daripada RM1,000

PAJAKAN ATAU PERJANJIAN PAJAKAN HARTA TIDAK ALIH TERMASUK SEWA PERKHIDMATAN, KEMUDAHAN DAN HAL-HAL LAIN BERKAITAN DENGAN PAJAKAN

Surat Cara	Duti Dikenakan		
	Pajakan adalah bagi tempoh		
Purata sewa dan balasan lain-lain yang dikira bagi setahun (tanpa denda/premium)	Tidak melebihi setahun	Melebihi setahun tetapi tidak melebihi tiga tahun	Melebihi tiga tahun atau mana-mana tempoh yang tidak terhad
<ul style="list-style-type: none"> • Tidak melebihi RM2,400 • Bagi setiap RM250 atau sebahagian daripadanya yang melebihi RM2,400 	Tiada	Tiada	Tiada
Balasan dalam bentuk bayaran sekaligus atau premium (tanpa sewa)	RM1	RM2	RM4
Balasan dalam bentuk bayaran sekaligus, premium atau lain-lain (dengan merizabkan sewa)	Duti mengikut kadar yang dikenakan atas pemindahakan harta		
	<ul style="list-style-type: none"> • Duti mengikut kadar yang dikenakan atas pemindahakan harta; dan • Duti mengikut kadar yang dikenakan atas balasan dalam bentuk purata sewa dan lain-lain 		

NOTA KONTRAK

Surat Cara	Duti Dikenakan
Berhubung dengan jualan mana-mana syer, stok atau sekuriti boleh dipasarkan dalam syarikat yang ditubuhkan di Malaysia atau di tempat lain	RM1 bagi setiap RM1,000 atau sebahagian daripada RM1,000 bagi nilai mana-mana syer, stok atau sekuriti boleh dipasarkan terhad maksimum RM 200 bagi setiap nota kontrak

KADAR DUTI SETEM DIKENAKAN BAGI LAIN-LAIN SURAT CARA

KADAR DUTI SETEM DIKENAKAN ATAS SURAT CARA

Jenis Surat Cara	Duti Dikenakan
Afidavit, Pengisytiharan Berkanun atau Pengisytiharan Bertulis tentang sumpah atau ikrar	RM10
Perjanjian atau Memorandum Perjanjian Perjanjian atau memorandum perjanjian tanpa meterai	RM10
Artikel/ Memorandum Pertubuhan Syarikat	RM100
Polisi Insurans	RM10
Kuasa atau Surat Kuasa Wakil	RM10
Nota Janji Hutang <ul style="list-style-type: none"> • Disempurnakan bagi pihak bank, bank perdagangan atau syarikat • Lain-lain 	RM10 RM10
Caj atau Gadai janji (termasuk yang dilaksanakan di bawah Syariah), Bon, Waad, Debentur (Bukan sekuriti yang boleh dipasarkan) Merupakan sekuriti prinsipal atau utama (melainkan dalam keadaan tertentu) berdasarkan kepada : <ol style="list-style-type: none"> a. Pinjaman kepada perniagaan kecil dan sederhana (SME) <ul style="list-style-type: none"> • Bagi amaun tidak melebihi RM250,000 daripada agregat pinjaman • Untuk setiap RM1,000 tambahan yang tidak melebihi RM1,000,000 • Untuk setiap RM1,000 tambahan atau sebahagian daripadanya b. Pinjaman mata wang asing atau pembiayaan mengikut syariah dalam mata wang selain daripada ringgit c. Kes lain-lain 	RM0.50 bagi setiap RM1,000 atau sebahagian daripadanya RM2.50 setiap RM1,000 atau sebahagian daripadanya RM5 RM5 bagi setiap RM1,000 atau (sebahagian daripadanya) tetapi duti keseluruhannya dibayar tidak melebihi RM500 RM5 bagi setiap RM1,000 atau sebahagian daripadanya

KADAR CUKAI

KADAR CUKAI PENDAPATAN INDIVIDU (MULAI TAHUN TAKSIRAN 2012)

Pendapatan Bercukai	RM	Kadar (%)	Cukai (RM)
Atas yang pertama	2,500	0	0
Atas yang berikutnya	<u>2,500</u>	1	<u>25</u>
Atas yang pertama	5,000	3	25
Atas yang berikutnya	<u>5,000</u>		<u>150</u>
Atas yang pertama	10,000	3	175
Atas yang berikutnya	<u>10,000</u>		<u>300</u>
Atas yang pertama	20,000	7	475
Atas yang berikutnya	<u>15,000</u>		<u>1,050</u>
Atas yang pertama	35,000	12	1,525
Atas yang berikutnya	<u>15,000</u>		<u>1,800</u>
Atas yang pertama	50,000	19	3,325
Atas yang berikutnya	<u>20,000</u>		<u>3,800</u>
Atas yang pertama	70,000	24	7,125
Atas yang berikutnya	<u>30,000</u>		<u>7,200</u>
Atas yang pertama	100,000	26	14,325
Atas yang berikutnya	Setiap RM berikutnya	

KADAR CUKAI PEGANGAN BUKAN PEMASTAUTIN

Jenis Pendapatan	Kadar Cukai
Royalti	10%
Perkhidmatan oleh penghibur awam	15%
Faedah	15%
Pendapatan kelas khas – yuran teknikal, yuran pemasangan dan sewa bagi kegunaan harta alih di bawah Seksyen 4A ACP 1967	10%
<ul style="list-style-type: none"> Bayaran Kontrak (bahagian perkhidmatan) kontraktor 	10%} mulai 21.9.2002
<ul style="list-style-type: none"> Bayaran Kontrak (bahagian perkhidmatan) untuk cukai pekerja 	3%} mulai 21.9.2002

KADAR CUKAI PENDAPATAN KOPERASI

Pendapatan Bercukai	RM	Kadar (%)	Cukai (RM)
Atas yang pertama	20,000	0	0
Atas yang berikutnya	<u>10,000</u>	2	<u>200</u>
Atas yang pertama	30,000		200
Atas yang berikutnya	<u>10,000</u>	6	<u>600</u>
Atas yang pertama	40,000		800
Atas yang berikutnya	<u>10,000</u>	9	<u>900</u>
Atas yang pertama	50,000		1,700
Atas yang berikutnya	<u>25,000</u>	12	<u>3,000</u>
Atas yang pertama	75,000		4,700
Atas yang berikutnya	<u>25,000</u>	16	<u>4,000</u>
Atas yang pertama	100,000		8,700
Atas yang berikutnya	<u>50,000</u>	20	<u>10,000</u>
Atas yang pertama	150,000		18,700
Atas yang berikutnya	<u>100,000</u>	23	<u>23,000</u>
Atas yang pertama	250,000		41,700
Atas yang berikutnya	Setiap RM berikutnya	26

Mulai tahun taksiran 2012, kadar cukai pendapatan syarikat yang bermastautin di Malaysia adalah seperti berikut :

- a. Syarikat dengan saham biasa membayar tidak melebihi RM2.5 juta pada awal tempoh asas bagi suatu tahun taksiran

Pendapatan Bercukai	RM	Kadar Cukai Pendapatan
Bagi setiap ringgit yang pertama	500,000	20%
Bagi setiap ringgit yang melebihi	500,000	25%

- b. Syarikat dengan saham biasa membayar melebihi RM2.5 juta pada awal tempoh asas bagi suatu tahun taksiran

Pendapatan Bercukai	Kadar Cukai Pendapatan
Bagi setiap ringgit	25%

KEDUDUKAN PPPDK/TIEA PADA 31 DISEMBER 2012 ADALAH SEPERTI BERIKUT:

PPPDK Berkuatkuasa :

1 Albania	42 Norway
2 Argentina (Limited Agreement)	43 Pakistan
3 Australia	44 Papua New Guinea
4 Austria	45 Philippines
5 Bahrain	46 Poland
6 Bangladesh	47 Qatar
7 Belgium	48 Romania
8 Brunei	49 Russia
9 Canada	50 San Marino
10 Chile	51 Saudi Arabia
11 China	52 Seychelles
12 Croatia	53 Singapore
13 Czech Republic	54 South Africa
14 Denmark	55 South Korea
15 Egypt	56 Spain
16 Fiji	57 Sri Lanka
17 Finland	58 Sudan
18 France	59 Sweden
19 Germany (Perjanjian)	60 Switzerland
20 Hungary	61 Syria
21 India	62 Thailand
22 Indonesia	63 Turkey
23 Iran	64 Turkmenistan
24 Ireland	65 United Arab Emirates
25 Italy	66 United Kingdom
26 Japan	67 United States of America (Limited Agreement)
27 Jordan	68 Uzbekistan
28 Kazakhstan	69 Venezuela
29 Kuwait	70 Vietnam
30 Kyrgyz Republic	71 Zimbabwe
31 Laos	
32 Lebanon	
33 Luxembourg	
34 Malta	
35 Mauritius	
36 Mongolia	
37 Morocco	
38 Myanmar	
39 Namibia	
40 Netherlands	
41 New Zealand	

PPPDK yang telah diwartakan (Belum Berkuatkuasa):

1 Belgium (Protokol)	6 Kuwait (EOI Protokol)
2 Bosnia and Herzegovina	7 Senegal
3 China (Protokol)	8 Seychelles (EOI Protokol)
4 Hong Kong S.A.R	9 Turkey (EOI Protokol)
5 India	

PPPDK yang telah ditandatangani :

1 New Zealand (Protokol EOI)

iv. PPPDK yang selesai dirundingkan :

1 Canada (Perjanjian Baru)	4 Oman
2 Denmark (Perjanjian Baru)	5 Slovak Republic
3 Korea Selatan	6 Ukraine
	7 Yemen

PPPDK dalam rundingan :

1 Brazil	8 Poland (Perjanjian Baharu)
2 Cyprus	9 Portugal
3 Finland (Perjanjian Baharu)	10 Russia (Perjanjian Baharu)
4 Kenya	11 Tunisia
5 Lesotho	12 Uruguay
6 Mexico	
7 Norway (Perjanjian Baru)	

TIEA yang telah diwartakan (Belum Berkuatkuasa) :

1 Bermuda (TIEA)

TIEA dalam rundingan :

1 The Bahamas
2 Guernsey
3 Liberia

PPDK yang telah diwartakan

PPDK yang selesai dirundingkan

1 Canada (New Agreement)	6 Oman
2 Hong Kong	7 Slovak Republic
3 India (New Agreement)	8 South Korea (New Agreement)
4 Indonesia (EOI Protocol)	9 Yemen
5 New Zealand (EOI Protokol)	

PPDK dalam rundingan

1 Brazil	8 Norway (New Agreement)
2 Cyprus	9 Poland (New Agreement)
3 Finland (New Agreement)	10 Portugal
4 Kenya	11 Russia (New Agreement)
5 Malta (EOI Protokol)	12 Tunisia
6 Mauritius (EOI Protocol)	13 Ukraine
7 Mexico	14 Uruguay



HASiL

www.hasil.gov.my

Pusat Khidmat Pelanggan

1-800-88-5436 (LHDN)